

# UNIT

# 4

# LARANGAN MELAKUKAKAN DOSA BESAR



Perhatikan dan fikirkan.

HADIS



Mengapakah Islam melarang umatnya melakukan perbuatan seperti gambar di atas?

## NOTA GURU



- Bincang dengan murid tentang gambar di atas.
- Cungkil pengetahuan sedia ada murid dengan pelbagai soalan tambahan untuk mendapatkan maklumat.



Baca dan hayati.

## Jauhi Tujuh Perkara

HADIS

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُؤَبَقَاتِ  
 قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ قَالَ: الشِّرْكَ بِاللَّهِ، وَالسِّحْرُ، وَقَتْلُ النَّفْسِ  
 الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، وَأَكْلُ الرِّبَا، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ، وَالتَّوَلَّى يَوْمَ  
 الزَّحْفِ، وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ.

Maksud: Daripada Abu Hurairah r.a. berkata, Nabi SAW bersabda: "Jauhilah tujuh perkara yang membinasakan." Para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah, apakah itu?" Baginda bersabda: "Syirik kepada Allah, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah kecuali dengan alasan yang benar, memakan riba, memakan harta anak yatim, melarikan diri pada hari peperangan dan menuduh wanita yang beriman melakukan zina."

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

### Inti sari hadis

1. Rasulullah SAW meminta umatnya supaya menjauhkan diri daripada melakukan perkara yang boleh membinasakan kehidupan manusia di atas muka bumi ini.
2. Perkara-perkara yang membinasakan diri ini termasuk dalam kategori dosa besar.





NOTA GURU



- Bimbing murid membaca hadis dan terjemahnya.
- Bincang dengan murid tentang maksud dan inti sari hadis di atas.
- Ingatkan murid supaya sentiasa menjauhi diri daripada melakukan perkara yang membinasakan diri.

4.1.1  
4.1.2



## Baca dan fikirkan.

### 1 Syirik kepada Allah SWT.

Syirik ialah perbuatan menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu makhluk dari segi zat, sifat dan perbuatannya.

Contoh: Memakai tangkal azimat.



### 2 Sihir.

Sihir ialah perbuatan halus tersembunyi yang menggunakan pertolongan jin atau syaitan untuk menghancurkan kehidupan manusia dengan tujuan tertentu.

Contoh: Pukau, santau dan pelaris.

### 3 Membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah SWT.

Perbuatan menghilangkan nyawa manusia dengan sengaja bukan kerana sesuatu hukuman tertentu seperti qisas.

Contoh: Langgar lari yang menyebabkan kematian.



### 4 Memakan riba.

Riba ertinya pertambahan nilai atas sesuatu pinjaman yang disyaratkan oleh pemberi pinjaman.

Contoh: Sesuatu pinjaman yang tidak mengikut syariat Islam.



## 5 Memakan harta anak yatim.

Menggunakan harta anak yatim dengan cara yang tidak dibenarkan syarak.

**Contoh: Menggunakan harta anak yatim untuk kepentingan diri.**



HADIS

## 6 Melarikan diri dari medan peperangan.

Berpaling tadah semasa berhadapan dengan musuh Islam di medan peperangan.


**Contoh: Melarikan diri ketika pasukan perang sedang bertempur.**



## 7 Menuduh wanita beriman melakukan zina.

Menuduh wanita Islam yang baik melakukan zina tanpa saksi.

**Contoh: Tuduhan palsu dengan berkata, "Kamu telah melakukan zina."**



### NOTA GURU



Minta murid memberikan contoh lain bagi setiap perkara yang membinasakan diri.

4.1.2



**Baca dan ambil iktibar.**

## Pengajaran Hadis

1 Rasulullah SAW melarang umatnya melakukan perkara yang boleh merosakkan keimanan dan kehidupan orang lain.

2 Kita dituntut supaya memelihara akidah dengan menjauhi perkara-perkara yang menyebabkan syirik.

3 Kita dilarang melakukan perbuatan sihir yang boleh merosakkan kehidupan manusia.

4 Kita hendaklah bersikap amanah dalam menguruskan harta anak yatim untuk menghindari perbuatan zalim dan mengambil hak orang lain.

5 Kita digalakkan supaya menjaga silaturahim agar dapat menjauhkan diri daripada permusuhan yang boleh membawa kepada pembunuhan.

6 Kita diminta supaya mengelakkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang berdosa dan membinasakan diri.

7 Kita diwajibkan mempertahankan negara dan berjihad di jalan Allah SWT.

8 Kita hendaklah menghindarkan diri daripada menuduh wanita yang baik melakukan zina tanpa membawa saksi.

### NOTA GURU



- Bimbing murid memahami pengajaran hadis di atas.
- Ingatkan murid supaya menjauhi perkara yang membinasakan diri.
- Galakkan murid melakukan kerja kebajikan supaya tidak terjebak dalam perkara yang membinasakan diri.



**Baca dengan telitinya.**



## Akibat Melakukan Perkara yang Membinasakan Diri

### 1 Syirik

- Merosakkan akidah.
- Menghilangkan pahala amalan.



### 2 Sihir

- Mengakibatkan penderitaan hidup.
- Memutuskan hubungan silaturahmi.
- Memporak-perandakan institusi rumah tangga.



HADIS

### 3 Membunuh Jiwa yang Diharamkan Allah SWT

- Menyusahkan kehidupan keluarga mangsa.
- Menghancurkan kehidupan bermasyarakat.



### 4 Memakan Riba

- Mengakibatkan penindasan.
- Melumpuhkan ekonomi umat Islam.



### 5 Memakan Harta Anak Yatim

- Menjejaskan hubungan kekeluargaan.
- Melakukan kezaliman.



### 6 Melarikan Diri dari Medan Peperangan

- Keselamatan umat Islam dan negara akan terancam.
- Negara terdedah kepada ancaman dan campur tangan asing.
- Menggugat kestabilan politik.



### 7 Menuduh Wanita Beriman Melakukan Zina

- Menjatuhkan maruah.
- Menghancurkan kehidupan berumah tangga.
- Menimbulkan fitnah dan huru-hara dalam kehidupan.



#### NOTA GURU



- Bersoal jawab dengan murid tentang akibat melakukan perkara yang membinasakan diri.
- Galakkan murid mengeluarkan pendapat.

4.1.4



**Mari amalkan.**

## Cara Menghindari Perkara yang Membinasakan Diri

### ILMU

- Mendalami ilmu akidah Islam.
- Sentiasa menghadiri majlis ilmu.
- Beramal dengan ilmu yang dipelajari.



### AMALAN

**2**

- Melakukan amal soleh yang boleh mengukuhkan keimanan.
- Sentiasa berdoa dan beristighfar.
- Melazimi amalan sunat dalam kehidupan.
- Bersifat amanah dan berasa takut akan azab Allah SWT.
- Menjauhi perkara yang melalaikan diri.



### TINDAKAN

**3**

- Berpegang teguh pada ajaran al-Quran dan al-Sunah.
- Bersahabat dengan orang yang soleh.
- Berjihad pada jalan Allah SWT.
- Berusaha untuk mengelakkan diri daripada perkara yang melibatkan riba.







**Baca dan lakonkan.**

## Jauhi Dosa Besar

**1** Ibu, tadi Amira belajar hadis tentang tujuh perkara yang membinasakan diri. Bolehkah ibu terangkan semula mengapakah Rasulullah SAW melarang kita melakukan perkara-perkara yang membinasakan itu?

**2** Allah SWT tidak suka hamba-Nya melakukan perkara yang boleh merosakkan kehidupan orang lain. Islam ialah agama sejahtera. Orang yang melakukan dosa besar akan dibenci oleh Allah SWT.

**3** Oh, patutlah tadi cikgu mengingatkan kami supaya sentiasa melakukan perkara-perkara yang boleh mendekatkan diri kepada Allah SWT dan beramal dengan ilmu yang dipelajari.

**4** Kalau begitu, marilah sama-sama kita berusaha melakukan kebaikan, meningkatkan amalan kita dan menjauhi segala perkara yang dilarang oleh Allah SWT dan Rasul-Nya.

HADIS

### NOTA GURU



- Bimbing murid melakonkan perbualan di atas.
- Bincangkan pengajaran yang boleh diambil daripada perbualan di atas.

4.1.6



Raja Pilihanku



1 Bahagikan murid kepada dua kumpulan yang mengandungi tiga ahli.

2 Setiap ahli kumpulan diminta mengambil batang aiskrim dari bekas yang disediakan untuk menentukan peranan sebagai raja, menteri dan pengawal.



3 Murid yang menjadi raja dikehendaki mencabut soalan dan mengemukakan soalan kepada murid yang menjadi pengawal di pihak lawan.



4 Sekiranya pengawal tidak berjaya menjawab, menteri hendaklah membantu pengawal menjawab soalan tersebut.





5

Permainan akan dilakukan secara berulang-ulang sehingga semua soalan dijawab. Guru membuat penilaian bagi setiap jawapan murid.

HADIS

6

Kumpulan yang berjaya mengumpulkan markah terbanyak dikira sebagai pemenang.



## Soalan

1. Sebutkan pengajaran yang boleh diambil daripada hadis "Larangan Melakukan Dosa Besar." (2 markah)
2. Nyatakan tujuh dosa besar yang dilarang oleh Allah SWT terhadap hamba-Nya. (7 markah)
3. Terangkan maksud bagi satu daripada dosa tersebut. (2 markah)
4. Jelaskan akibat melakukan perkara yang membinasakan diri. (4 markah)
5. Huraikan dua cara menghindarkan diri daripada melakukan perkara yang membinasakan diri. (4 markah)
6. Senaraikan amalan yang kamu lakukan untuk menghindarkan diri daripada melakukan dosa besar. (6 markah)

## NOTA GURU



- Bantu murid menjalankan aktiviti di atas.
- Galakkan murid untuk menjalankan aktiviti di atas secara bersungguh-sungguh.
- Permainan boleh diubah suai mengikut kreativiti guru.



# Laman Kreatif


## Cabaran Minda

Terjemahkan kod emoji ilmu yang berikut. Pilih dan tulis jawapan pada ruang kosong yang disediakan.


HADIS




1. Perbuatan syirik akan menyebabkan ..... tidak diterima oleh Allah SWT.




2. Sihir akan menyebabkan manusia hidup dalam .....




3. Memakan harta anak yatim ialah sifat ..... yang menganiaya kehidupan mereka.




4. Memakan riba akan menyebabkan berlakunya .....



5. Menuduh wanita Islam yang baik melakukan zina boleh ..... kehidupan wanita tersebut.



6. Membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah SWT akan memutuskan hubungan ..... sesama manusia.



NOTA GURU



- Bimbing murid menjalankan aktiviti di atas.
- Perbanyak halaman ini sebagai lembaran kerja.



## Uji Minda

Tulis **akibat** melakukan perbuatan haram yang memusnahkan kehidupan dan berikan **cadangan** cara menjauhi perbuatan tersebut.

### Menyekutukan Allah SWT

Akibat: .....

.....

Cadangan: .....

.....

### Sihir

Akibat: .....

.....

Cadangan: .....

.....

### Memakan riba

Akibat: .....

.....

Cadangan: .....

.....

### Memakan harta anak yatim

Akibat: .....

.....

Cadangan: .....

.....



# UNIT

# 5

# PERKARA YANG MEMBATALKAN IMAN



Hafaz dan amalkan.

اللَّهُمَّ أَحْيِنَا بِالْإِيمَانِ  
اللَّهُمَّ أَمِتْنَا بِالْإِيمَانِ  
اللَّهُمَّ أَحْشِرْنَا بِالْإِيمَانِ  
وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ مَعَ الْإِيمَانِ

Ya Allah, hidupkan kami dengan iman  
Ya Allah, matikan kami dengan iman  
Ya Allah, bangkitkan kami dengan iman  
Dan masukkan kami ke syurga-Mu dengan iman.



Bincangkan sebab kita perlu berdoa  
supaya hidup dan mati kita dalam iman.

## NOTA GURU

- Bincang dengan murid tentang doa di atas.
- Minta murid bernasyid secara beramai-ramai menggunakan capaian Kod QR.



## Fahami dan yakini.

### Maksud Iman



#### Bahasa

Percaya atau membenarkan.

#### Istilah

Membenarkan dan meyakini dengan hati, berikrar dengan lidah dan mengamalkan dengan anggota.



Firman Allah SWT:

ءَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ ۗ وَالْمُؤْمِنُونَ  
كُلٌّ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ ۗ...

Maksud: Rasulullah SAW telah beriman dengan apa-apa yang diturunkan kepadanya daripada tuhan-Nya dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, malaikat-Nya, kitab-Nya, dan Rasul-Nya...

(Surah al-Baqarah 2:285)





## Huraian

1. Orang yang beriman ialah orang yang mengakui keesaan Allah SWT dengan lidahnya, meyakini dalam hati serta melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan-Nya.
2. Asas cara hidup Islam yang telah ditetapkan oleh Allah SWT terkandung dalam rukun iman dan rukun Islam yang wajib dipercayai dan diyakini.
3. Orang Islam yang tidak mempercayai dan tidak meyakini satu daripada rukun tersebut dianggap terkeluar daripada Islam atau menjadi murtad.
4. Iman boleh terbatal apabila seseorang melakukan perkara yang boleh membatalkannya.
5. Perkara yang membatalkan iman ini berlaku melalui iktikad, perbuatan dan perkataan.
6. Orang Islam mesti berusaha menjauhkan diri daripada melakukan perkara yang membatalkan iman.

### NOTA GURU



Bimbing murid memahami maksud iman dan membaca dalil iman dengan betulnya.

5.1.1



Baca dan fahami.

## PERKARA YANG MEMBATALKAN IMAN

### Iktikad

Ragu dengan syariat dan hukum-hukum Islam.

Berniat dan keluar daripada Islam.

Percaya dan yakin ada tuhan yang lain selain Allah SWT.

Meyakini bahawa alam ini terjadi dengan sendirinya.

Percaya dan yakin bahawa Allah SWT bersifat sama seperti makhluk lain.

### Perkataan

Mencela Allah SWT, al-Quran dan hadis.

Mengubah ayat al-Quran atau hadis dengan perkataan.



### INFO

Doa berlindung daripada syirik:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ أَنْ أَشْرِكَ بِكَ وَأَنَا أَعْلَمُ وَأَسْتَغْفِرُكَ لِمَا لَا أَعْلَمُ.

Maksud: "Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung dengan-Mu daripada perbuatan syirik (menyekutukan-Mu) sedangkan aku mengetahuinya. Dan aku memohon ampun kepada-Mu terhadap kesyirikan yang tidak aku ketahui.

(Riwayat Imam Ahmad)

## Perbuatan

Sujud kepada makhluk selain Allah SWT seperti sujud kepada manusia dan batu.

Menghina al-Quran seperti mengubah, memijak atau mencampakkannya.

Menyembah selain Allah SWT seperti menyembah berhala.

Menyertai upacara keagamaan agama lain seperti upacara penyucian dosa.

Memakai lambang mana-mana agama dan meyakini kebenarannya seperti memakai salib.

Menyanyikan lagu-lagu yang bertentangan dengan akidah.

Bersumpah dengan nama selain Allah SWT.

Mengubah atau mempermainkan hukum Allah SWT seperti menolak kewajipan solat fardu dan menutup aurat.

### NOTA GURU



- Bimbing murid memahami perkara-perkara yang membatalkan iman.
- Ingatkan murid supaya tidak melakukan perkara yang membatalkan iman.

5.1.2




**Baca dengan telitinya.**

## Perkara yang Membatalkan Iman



### Kufur

- Kufur bermaksud tidak percaya kepada Allah SWT dan menolak segala ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW.
- Hukumnya berdosa besar dan boleh menjadi kafir.
- Orang kufur perlu bertaubat dan kembali melaksanakan ajaran Islam.
- Mereka yang kufur akan dimasukkan ke dalam neraka sekiranya kekal dalam kekufuran.



### Kufur Besar

Kufur besar ialah kufur iktikad, iaitu kufur yang boleh menyebabkan seseorang itu terkeluar daripada agama Islam sekiranya tidak bertaubat.

#### Contoh

- Menolak dan tidak mempercayai perkara-perkara samiyat.
- Menafikan dan tidak mempercayai al-Quran dan hadis sebagai sumber hukum.
- Menolak syariat yang dibawa oleh Rasulullah SAW.
- Ingkar kepada rukun iman dan rukun Islam.

### Kufur Kecil

Kufur kecil ialah sebahagian daripada dosa besar tetapi tidak terkeluar daripada agama Islam. Walau bagaimanapun, perbuatan ini akan mengundang kemurkaan Allah SWT.

#### Contoh

- Melakukan kezaliman terhadap makhluk Allah SWT.
- Tidak mengeluarkan zakat kerana cuai.
- Kufur kepada nikmat kurniaan Allah SWT dan tidak mensyukurinya.
- Menggunakan nikmat ke jalan maksiat.



## Nifak

- Nifak ialah sifat bagi mereka yang berpura-pura beriman kepada Allah SWT dan Rasul-Nya tetapi dalam hati mereka kufur dan menolak ajaran Islam.
- Orang yang melakukan perbuatan nifak dinamakan munafik dan tempatnya adalah di neraka jahanam.

### Nifak Besar

Nifak yang membawa kepada kekufuran melibatkan akidah dengan menzahirkan kebenaran agama Islam tetapi menyembunyikan kekufurannya.

#### Contoh

- Mempersendakan al-Quran.
- Membenci syariat yang dibawa oleh Rasulullah SAW.
- Menolong orang kafir untuk memerangi orang Islam.
- Gembira dengan kekalahan dan kelemahan orang Islam.
- Mengerjakan solat bukan kerana Allah SWT.

### Nifak Kecil

Nifak yang tidak membawa kepada kekufuran tetapi bersangkutan dengan amalan dalam kehidupan.

#### Contoh

- Bercakap bohong.
- Khianat apabila diberi amanah.
- Mungkir janji.
- Melampaui batas apabila bertengkar.



#### NOTA GURU




Bimbing murid memahami maksud kufur, nifak dan pembahagiannya berserta contoh.

5.1.3




**Baca dan fikirkan.**



### Riddah

- Riddah ertinya keluar daripada agama Islam.
- Orang yang keluar daripada agama Islam dinamakan murtad.
- Orang yang murtad perlu dinasihati supaya bertaubat dan kembali kepada ajaran Islam. Sekiranya ingkar, mereka hendaklah dihukum bunuh.



#### Iktikad

Tidak percaya atau ragu-ragu dengan perkara yang berkaitan dengan samiyat, ketuhanan, kenabian dan syariat Allah SWT.

##### Contoh

- Berniat keluar daripada Islam.
- Mengingkari kewujudan Allah SWT sebagai Pencipta.

#### Perbuatan

Melakukan perbuatan atau amalan yang jelas menunjukkan kekufuran.

##### Contoh

- Keluar daripada agama Islam.
- Sujud kepada berhala atau makhluk lain.

#### Perkataan

Percakapan yang mengandungi pengakuan kufur atau penafian terhadap akidah Islam, atau mempersendakan hukum-hakam Islam.

##### Contoh

- Mengisytiharkan diri keluar daripada Islam.
- Menyatakan al-Quran tidak sesuai dengan perkembangan zaman.





## Akibat Tidak Menjaga Iman

### Individu

- Segala amal soleh dan ibadah yang dilakukan akan rosak dan ditolak oleh Allah SWT.

- Berakhlak buruk.

- Mudah terpengaruh dengan anasir-anasir jahat.



- Menjadi golongan yang dibenci dan dimurkai oleh Allah SWT.

- Hidup resah dan gelisah serta lalai daripada mengingat Allah SWT.

- Hidup dalam kelalaian dan bebas tanpa pegangan agama.

### Masyarakat

- Umat Islam akan lemah dan mundur.

- Melemahkan perpaduan hidup.

- Islam akan dipandang hina oleh agama lain.



- Hilang sikap percaya-mempercayai dan toleransi.

- Hidup berpecah-belah dan porak-peranda.

#### NOTA GURU



- Lakukan sumbang saran dengan murid tentang akibat tidak menjaga iman.
- Minta murid memberikan contoh atau akibat tidak menjaga iman yang lain.



Baca dan amalkan.

## Cara Beriman dalam Kehidupan Harian

Cari



Fadzilah

Kembali

Cipta



Fadzilah

Sebagai seorang yang beriman, bagaimanakah cara kamu menjalani kehidupan harian?



Hasyim dan 65 lain

11 komen



**Panglima** Melakukan suruhan Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya.

Suka. Balas 1 jam



**Ismail Mohd Yusof** Mengamalkan sunah Rasulullah SAW.

Suka. Balas 1 jam



**Ghani** Menghormati ibu bapa, guru-guru dan mereka yang lebih dewasa.

Suka. Balas 1 jam



**Raja Solihin** Menuntut ilmu kerana Allah SWT dan sentiasa tekun belajar.

Suka. Balas 4 jam



**Shamsul** Bersyukur apabila beroleh nikmat Allah SWT.

Suka. Balas 6 jam



**Fara Ismail** Bersabar ketika mendapat ujian daripada Allah SWT.

Suka. Balas 9 jam



**Ust Isa Hamzah** Bersedekah dan membantu mereka yang memerlukan.

Suka. Balas 11 jam



**Mustafid Razali** Menunaikan solat dan sentiasa melakukan kebaikan.

Suka. Balas 12 jam



**Fauzi Abd Rahim** Solat berjemaah di masjid dan menghadiri majlis ilmu.

Suka. Balas 14 jam



**Amirul Md Yusof** Menjauhkan diri daripada melakukan perkara yang sia-sia dan menyebabkan dosa.

Suka. Balas 14 jam







## Minda Aktif

### Jana Minda

#### Pelaksanaan

1. Guru mengedarkan kad soalan mengikut warna kepada murid.
2. Setiap murid dikehendaki menjawab soalan yang diberikan secara serentak.
3. Setelah masa tamat, murid akan berkumpul mengikut warna kumpulan masing-masing untuk mengemas kini jawapan.
4. Setiap kumpulan akan menampalkan hasil kerja masing-masing pada dinding.
5. Ahli kumpulan lain akan memberikan pandangan dan pendapat.
6. Guru akan menilai jawapan murid.
7. Kumpulan yang mendapat markah tertinggi dikira sebagai pemenang.
8. Peraturan boleh diubah suai mengikut kesesuaian jumlah murid.

#### Soalan

Senaraikan tiga contoh kufur.

Terangkan dua kesan kufur.

Jelaskan maksud kufur dan balasan bagi mereka yang melakukannya.

Senaraikan tiga contoh nifak.

Terangkan dua kesan nifak.

Jelaskan maksud nifak dan balasan bagi mereka yang melakukannya.

Senaraikan tiga contoh riddah.

Terangkan dua kesan riddah.

Jelaskan maksud riddah dan balasan bagi mereka yang melakukannya.

#### NOTA GURU



Bimbing murid menjalankan aktiviti di atas.



## Laman Kreatif


### Rehlah Akidah

#### Pelaksanaan

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan dikehendaki memulakan permainan di Hentian 1.
3. Kumpulan yang telah selesai menjawab soalan di Hentian 1, boleh bergerak ke Hentian 2 dan seterusnya.
4. Guru akan menunggu di Hentian 7 untuk membantu kumpulan menjawab soalan kuiz.
5. Semua jawapan diserahkan kepada guru untuk dinilai.
6. Kumpulan yang berjaya menjawab dengan tepat dan cepat dikira sebagai pemenang.

#### Hentian 1 Kelas

Nyatakan maksud iman.




#### Hentian 6 Kantin

Jelaskan cara menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan akidah.

#### Hentian 7 Makmal Komputer

Imbas Kod QR untuk menjawab soalan Quizizz.



## Hentian 2 Makmal Sains

Tulis tiga amalan yang membatalkan akidah dari segi perbuatan.



## Hentian 3 Surau

Tulis tiga amalan yang membatalkan akidah dari segi iktikad.



## Hentian 5 Pusat Sumber

Senaraikan akibat melakukan perkara yang membatalkan akidah.

## Hentian 4 Dewan Sekolah

Tulis tiga amalan yang membatalkan akidah dari segi perkataan.



### NOTA GURU



- Bimbing dan pantau murid sepanjang aktiviti dijalankan.
- Sediakan soalan pada setiap hentian.
- Ingatkan murid supaya bergerak dalam kumpulan.



## Uji Minda

Tulis jawapan yang tepat berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Bil.	Pernyataan	Kufur/Nifak/ Riddah	Iktikad/Perbuatan/ Perkataan
1.	Tidak mempercayai al-Quran dan hadis sebagai sumber hukum.		
2.	Menyanyikan lagu-lagu yang bertentangan dengan akidah.		
3.	Tidak mempercayai perkara-perkara samiyat.		
4.	Keluar daripada agama Islam.		
5.	Menyekutukan Allah SWT dengan makhluk.		
6.	Mengisytiharkan diri keluar daripada Islam.		
7.	Berpura-pura Islam tetapi dalam hati menolak Islam.		
8.	Mengubah atau mempermainkan hukum Allah SWT.		
9.	Memakai salib.		
10.	Sujud kepada makhluk selain Allah SWT seperti sujud kepada manusia dan batu.		



UNIT

6

# INDAHNYA SOLAT BERJEMAAH



Perhatikan dan bincangkan.

وَأَقِمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

Maksud: "Dan dirikanlah solat, keluarkanlah zakat, rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang yang rukuk."

(Surah al-Baqarah 2:43)

IBADAH



Nyatakan pendapat kamu tentang situasi solat dalam gambar ini dengan tuntutan Islam.

NOTA GURU



- Minta murid mengaitkan situasi solat berjemaah dengan isu semasa.
- Berikan penekanan tentang tuntutan solat berjemaah dalam apa-apa juga keadaan kepada murid.



Baca dan hayati.



## Pengertian Solat Berjemaah

### Bahasa

Berasal daripada perkataan "jama'a" (جَمَعَ) yang bermaksud berkumpul.

### Istilah

Solat yang dilakukan secara berkumpul atau beramai-ramai yang terdiri daripada seorang imam dan makmum.

### Huraian

- 1 Solat berjemaah sangat dituntut dalam Islam dan mempunyai ganjaran pahala yang besar berbanding dengan solat secara bersendirian.
- 2 Solat berjemaah boleh dilakukan di masjid, surau, rumah atau di mana-mana sahaja.
- 3 Solat berjemaah yang paling baik adalah yang didirikan di masjid.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:  
صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ أَفْضَلُ مِنْ صَلَاةِ الْفِدِّ بِسَبْعٍ  
وَ عَشْرِينَ دَرَجَةً.

Daripada Abu Hurairah bahawa Nabi SAW bersabda: "Solat secara berjemaah lebih baik daripada solat bersendirian sebanyak 27 darjat."

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)





**Baca dan fahami.**



## Hukum Solat Berjemaah

### Solat Fardu

- Sunat muakad bagi individu.
- Fardu kifayah, iaitu wajib dilakukan oleh sebahagian penduduk sesuatu tempat.

### Solat Jumaat

- Fardu ain (wajib) atas setiap orang lelaki.

### Solat Sunat

- Sunat bagi solat sunat dua hari raya, solat tarawih, solat gerhana dan solat istisqa' (meminta hujan).

IBADAH



### INFO

Makmum yang berjemaah bersama-sama imam bermula dari takbir pertama sehingga akhir solat selama 40 hari kerana Allah SAW akan terselamat daripada api neraka dan sifat munafik.

### NOTA GURU



- Lakukan sumbang saran dengan murid tentang pengalaman mereka melakukan solat berjemaah.
- Ingatkan murid untuk sentiasa mengamalkan solat berjemaah.

6.1.2



## Baca dan hayati.



**1**

Makmum berniat mengikut imam.



**2**

Makmum mengetahui perbuatan imam dan tidak mendahuluinya dalam rukun solat.

### Syarat Sah Solat Berjemaah



**3**

Makmum lelaki tidak boleh berimamkan perempuan.



**4**

Makmum tidak boleh berada di hadapan atau sebaris dengan imam.



**5**

Makmum tidak boleh berdiri terlalu jauh daripada imam kecuali atas sebab yang dibenarkan oleh syarak.



**6**

Makmum hendaklah menunaikan solat yang sama dengan imam.

#### NOTA GURU



- Lakukan sumbang saran tentang syarat sah solat berjemaah dan kaitkannya dengan pengalaman harian murid.
- Berikan penekanan untuk menghafaz lafaz niat solat berjemaah dengan betulnya kepada murid.





## Baca dengan telitinya.

Setiap orang Islam dituntut agar menunaikan solat fardu secara berjemaah kerana:

### Kelebihan Solat Berjemaah



#### NOTA GURU



- Galakkan murid supaya mengamalkan solat berjemaah.
- Minta murid mencari maklumat sokongan tentang kepentingan solat berjemaah.



Teliti dan praktikkan.

## Kedudukan Imam dan Makmum dalam Solat Berjemaah

Solat berjemaah boleh dilaksanakan dengan pelbagai kedudukan imam dan makmum.

**1** Imam dan seorang makmum yang sama jantina.



**2** Imam lelaki dan seorang makmum perempuan.



**3** Imam lelaki dan sekumpulan makmum lelaki sahaja.



**4** Imam perempuan dan dua orang makmum perempuan.



**5** Imam perempuan dan tiga atau lebih makmum perempuan.

6 Imam lelaki dan sekumpulan makmum perempuan.



7 Imam lelaki, sekumpulan makmum lelaki dan sekumpulan makmum perempuan.



8 Imam lelaki, sekumpulan makmum lelaki dan seorang makmum perempuan.



9 Imam lelaki, sekumpulan makmum lelaki, sekumpulan makmum kanak-kanak dan sekumpulan makmum perempuan.



10 Imam lelaki, seorang makmum lelaki dan sekumpulan makmum perempuan.



### INFO

1. Makmum *muafik* ialah makmum yang sempat membaca surah al-Fatihah dengan sempurnanya dan rukuk bersama-sama imam pada rakaat pertama.
2. Makmum *masbuk* ialah makmum yang tidak sempat membaca surah al-Fatihah dengan sempurnanya bersama-sama imam sebelum imam rukuk pada rakaat pertama.

### NOTA GURU



- Minta murid melakukan simulasi kedudukan imam dan makmum.
- Bimbing murid menyusun kedudukan imam dan makmum dalam pelbagai situasi.

6.1.5



Mari beramal.


## Pelaksanaan Solat Berjemaah



Saya menunaikan solat fardu bersama-sama keluarga.




Saya bersama-sama ayah ke masjid untuk menunaikan solat Jumaat.



Saya menunaikan solat sunat Hari Raya Aidilfitri bersama-sama keluarga di kampung halaman.



Saya dan rakan menunaikan solat berjemaah semasa perkhemahan.



Saya dan keluarga menunaikan solat tarawih di surau pada bulan Ramadan.





Saya dan rakan menunaikan solat berjemaah di surau sekolah.



Saya menunaikan solat jenazah kerana datuk telah meninggal dunia.

Alhamdulillah... saya berjaya menunaikan solat berjemaah secara istiqamah.

IBADAH



NOTA GURU



- Bersoal jawab dengan murid tentang amalan solat berjemaah dalam kehidupan harian.
- Galakkan murid untuk mengamalkan solat berjemaah dalam kehidupan harian.


6.1.6



### Pelaksanaan


1. Murid dibahagikan kepada dua kumpulan.
2. Setiap kumpulan diberi set model kartun.
3. Setiap kumpulan dikehendaki menyusun model kartun solat berjemaah mengikut situasi yang diberikan.
4. Guru akan membunyikan loceng untuk memulakan tugas.
5. Kumpulan yang berjaya menyiapkan tugas dengan cepat dan betulnya dikira sebagai pemenang.
6. Guru membuat rumusan dan penilaian terhadap aktiviti yang dilakukan.

### Alatan yang digunakan



### Situasi

1. Sekumpulan makmum lelaki sahaja.
2. Sekumpulan makmum lelaki dan seorang makmum perempuan.
3. Imam perempuan dan dua orang makmum perempuan.
4. Sekumpulan makmum lelaki, sekumpulan makmum kanak-kanak dan sekumpulan makmum perempuan.
5. Imam perempuan dan seorang makmum perempuan.
6. Imam lelaki dan dua orang makmum perempuan.
7. Imam lelaki, seorang makmum lelaki dan seorang makmum perempuan.



**NOTA GURU**



- Pastikan murid dapat melaksanakan tugas yang diberikan.
- Lakukan sumbang saran dengan murid tentang situasi solat berjemaah di atas.
- Perbanyak halaman ini sebagai lembaran kerja.






### Sentuh & Jawab

#### Pelaksanaan

1. Guru menampalkan kad "Sentuh dan Jawab" yang mengandungi soalan pada papan putih.
2. Murid dikehendaki berbaris mengikut giliran.
3. Murid dikehendaki datang ke hadapan kelas dan menyentuh satu daripada kad "Sentuh dan Jawab" serta menjawab soalan yang disentuh.
4. Murid yang berjaya menjawab soalan akan diberi token mengikut jumlah markah.
5. Permainan diteruskan sehingga semua murid selesai menjawab semua soalan.
6. Murid mesti memilih kad "Sentuh dan Jawab" yang berlainan pada setiap pusingan.
7. Guru akan menilai dan mengumpul markah jawapan setiap murid berdasarkan token yang diperoleh.

#### Alatan yang digunakan

- Kad Sentuh dan Jawab (Kad soalan)



- Token markah





**Soalan 1**

Nyatakan pengertian solat berjemaah dari segi bahasa dan istilah.

(4 markah)

**Soalan 2**

Sebutkan dua syarat sah solat berjemaah.

(2 markah)

**Soalan 3**

Jelaskan kedudukan imam dan dua orang makmum perempuan.

(3 markah)

**Soalan 4**

Huraikan hubung kait antara solat berjemaah dengan semangat perpaduan.

(3 markah)

**Soalan 5**

Nyatakan dua kelebihan solat berjemaah.

(3 markah)

**Soalan 6**

Terangkan hukum solat berjemaah.

(2 markah)

**Soalan 7**

Jelaskan kedudukan imam lelaki dan sekumpulan makmum lelaki dewasa dan kanak-kanak.

(3 markah)

**Soalan 8**

Sebutkan dua contoh solat berjemaah yang boleh diamalkan dalam kehidupan umat Islam.

(3 markah)

**NOTA GURU**



- Bimbing murid untuk melaksanakan aktiviti di atas.
- Soalan boleh diubah dan ditambah mengikut kreativiti guru dan bilangan murid.



## Uji Minda

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (x) pada pernyataan yang salah. Berikan alasan terhadap jawapan kamu.

1. Muhammad solat berniat mengikut imam dan perbuatan imam tersebut.

Alasan: \_\_\_\_\_

2. Solat berjemaah boleh memberikan kesan yang positif terhadap kesihatan fizikal dan mental.

Alasan: \_\_\_\_\_

3. Orang Islam yang menunaikan solat berjemaah akan mendapat ganjaran pahala yang berganda.

Alasan: \_\_\_\_\_

4. Solat sunat Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha juga boleh dilakukan secara berjemaah.

Alasan: \_\_\_\_\_

5. Seorang imam perempuan boleh menjadi imam kepada makmum perempuan, kanak-kanak perempuan dan juga suaminya.

Alasan: \_\_\_\_\_

6. Ali dan sekumpulan makmum lelaki dan perempuan boleh menunaikan solat berjemaah berimamkan Fatimah.

Alasan: \_\_\_\_\_



# UNIT

# 7

# SOLAT QASAR DAN JAMAK

Perhatikan dan fikirkan.



Bagaimanakah umat Islam menunaikan solat ketika berhadapan dengan situasi ini?

## NOTA GURU




Bersoal jawab dengan murid tentang kaitan gambar dengan tajuk pelajaran.

IBADAH



Baca dan fahami.

IBADAH



Firman Allah SWT:

وَإِذَا ضَرَبْتُمْ فِي الْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَقْصُرُوا مِنَ الصَّلَاةِ...

Maksud: Dan apabila kamu bermusafir di muka bumi, maka kamu tidaklah berdosa "mengqasarkan" (memendekkan) sembahyang...

(Surah al-Nisa' 4:101)

## Syarat Sah Solat Qasar

1. Dilakukan ketika sedang bermusafir dan perjalanan diharuskan oleh syarak dengan tujuan yang baik.
2. Telah melepasi luar sempadan kawasan tempat tinggal.
3. Tidak berniat untuk menetap di sesuatu tempat melebihi tiga hari (tidak termasuk hari perjalanan pergi dan balik).
4. Tidak mengikut imam yang solat sempurna.
5. Solat yang diqasarkan hendaklah bagi solat empat rakaat sahaja.

### Niat Solat Qasar

#### Lafaz niat solat Zuhur

أُصَلِّي فَرَضَ الظُّهْرِ رَكْعَتَيْنِ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku menunaikan solat fardu Zuhur dua rakaat dipendekkan kerana Allah Taala.

#### Lafaz niat solat Asar

أُصَلِّي فَرَضَ العَصْرِ رَكْعَتَيْنِ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku menunaikan solat fardu Asar dua rakaat dipendekkan kerana Allah Taala.

#### Lafaz niat solat Isyak

أُصَلِّي فَرَضَ العِشَاءِ رَكْعَتَيْنِ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku menunaikan solat fardu Isyak dua rakaat dipendekkan kerana Allah Taala.

#### NOTA GURU



Bincang dengan murid tentang perbezaan antara solat tamam dengan solat ketika bermusafir.

6.2.1  
6.2.2  
6.2.3



**Baca dan fahami.**



## Pengertian Solat Jamak

### Bahasa

Himpun atau kumpul.

### Istilah

Menghimpunkan dua solat fardu dalam satu waktu yang sama dengan syarat tertentu.

IBADAH



### JAMAK



#### Jamak Takdim

Menghimpunkan dua solat fardu dan dilakukan dalam waktu solat yang pertama.

#### Contoh

Menunaikan solat Zuhur dan Asar dalam waktu Zuhur.  
Menunaikan solat Maghrib dan Isyak dalam waktu Maghrib.

#### Jamak Takhir

Menghimpunkan dua solat fardu dan dilakukan dalam waktu solat yang kedua.

#### Contoh

Menunaikan solat Zuhur dan Asar dalam waktu Asar.  
Menunaikan solat Maghrib dan Isyak dalam waktu Isyak.

Syarat perjalanan yang diharuskan solat qasar dan jamak:

- Mengetahui destinasi yang dituju.
- Jarak perjalanan sehala melebihi 81 kilometer.
- Bukan untuk tujuan maksiat.

(Al-Fiqh al-Manhaji)



## Syarat Sah Solat Jamak

### Jamak Takdim

- Dimulai dengan solat yang terdahulu (Zuhur atau Maghrib).
- Niat jamak dalam solat pertama.
- Berturut-turut antara kedua-dua solat.
- Perjalanan sehingga masuk solat kedua.

### Jamak Takhir

- Masih dalam perjalanan sehingga kedua-dua solat selesai didirikan.
- Berniat akan melakukan jamak takhir semasa waktu solat pertama.



### Huraian

1. Hukum menunaikan solat qasar dan jamak adalah harus menurut syariat Islam.
2. Kemudahan dan keringanan yang diberikan oleh Allah SWT kepada umat Islam untuk melakukan solat fardu dikenali sebagai rukhsah.
3. Umat Islam dapat melaksanakan ibadah solat secara qasar dan jamak dalam pelbagai keadaan seperti ketika bermusafir, sakit, berada di medan perang dan melaksanakan tugas dalam tempoh waktu yang panjang.
4. Solat qasar dan jamak hanya boleh dilaksanakan jika seseorang musafir berniat untuk tinggal di sesuatu tempat tidak melebihi tiga hari.

IBADAH

### INFO

1. Jika seseorang telah berniat untuk tinggal di sesuatu tempat melebihi tiga hari, iaitu empat hari atau lebih, maka dirinya tidak lagi dikira sebagai musafir dan perlu menunaikan solat seperti biasa.
2. Walau bagaimanapun, individu itu boleh melaksanakan solat qasar dan jamak ketika dalam perjalanan pergi dan balik.
3. Jika musafir tidak pasti tempoh tinggalnya di sesuatu tempat, maka dia dibenarkan solat qasar sehingga 18 hari.

### NOTA GURU



Bincang dengan murid tentang perbezaan dan persamaan antara syarat sah solat jamak takdim dengan syarat sah solat jamak takhir.

6.2.1  
6.2.2



Baca dengan telitinya.

Carian

Lafaz Niat

### Lafaz niat Zuhur dan Asar

### Niat Solat Jamak Takdim

أُصَلِّي فَرَضَ الظُّهْرِ رَكَعَتَيْنِ قَصْرًا مَجْمُوعًا إِلَيْهِ الْعَصْرُ جَمْعَ تَقْدِيمٍ لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku menunaikan solat fardu Zuhur dua rakaat secara qasar dihimpunkan kepadanya solat fardu Asar secara jamak takdim kerana Allah Taala.

أُصَلِّي فَرَضَ الْعَصْرِ رَكَعَتَيْنِ قَصْرًا مَجْمُوعًا إِلَى الظُّهْرِ جَمْعَ تَقْدِيمٍ لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku menunaikan solat fardu Asar dua rakaat secara qasar dihimpunkan kepada solat fardu Zuhur secara jamak takdim kerana Allah Taala.

### Lafaz niat Maghrib dan Isyak

أُصَلِّي فَرَضَ الْمَغْرِبِ ثَلَاثَ رَكَعَاتٍ مَجْمُوعًا إِلَيْهِ الْعِشَاءُ جَمْعَ تَقْدِيمٍ لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku menunaikan solat fardu Maghrib tiga rakaat dihimpunkan kepadanya solat fardu Isyak secara jamak takdim kerana Allah Taala.

أُصَلِّي فَرَضَ الْعِشَاءِ رَكَعَتَيْنِ قَصْرًا مَجْمُوعًا إِلَى الْمَغْرِبِ جَمْعَ تَقْدِيمٍ لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku menunaikan solat fardu Isyak dua rakaat secara qasar dihimpunkan kepada solat fardu Maghrib secara jamak takdim kerana Allah Taala.





### Lafaz niat Asar dan Zuhur

### Niat Solat Jamak Takhir

أُصَلِّي فَرَضَ الْعَصْرِ رَكْعَتَيْنِ قَصْرًا مَجْمُوعًا إِلَيْهِ الظُّهْرُ جَمْعَ تَأْخِيرٍ لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku menunaikan solat fardu Asar dua rakaat secara qasar dihimpunkan kepadanya solat fardu Zuhur secara jamak takhir kerana Allah Taala.

أُصَلِّي فَرَضَ الظُّهْرِ رَكْعَتَيْنِ قَصْرًا مَجْمُوعًا إِلَى الْعَصْرِ جَمْعَ تَأْخِيرٍ لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku menunaikan solat fardu Zuhur dua rakaat secara qasar dihimpunkan kepada solat fardu Asar secara jamak takhir kerana Allah Taala.

### Lafaz niat Isyak dan Maghrib

أُصَلِّي فَرَضَ الْعِشَاءِ رَكْعَتَيْنِ قَصْرًا مَجْمُوعًا إِلَيْهِ الْمَغْرِبُ جَمْعَ تَأْخِيرٍ لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku menunaikan solat fardu Isyak dua rakaat secara qasar dihimpunkan kepadanya solat fardu Maghrib secara jamak takhir kerana Allah Taala.

أُصَلِّي فَرَضَ الْمَغْرِبِ ثَلَاثَ رَكَعَاتٍ مَجْمُوعًا إِلَى الْعِشَاءِ جَمْعَ تَأْخِيرٍ لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku menunaikan solat fardu Maghrib tiga rakaat secara dihimpunkan kepada solat fardu Isyak secara jamak takhir kerana Allah Taala.



#### NOTA GURU



- Bimbing murid melafazkan niat solat jamak takdim dan jamak takhir dengan betulnya.
- Galakkan murid menghafaz niat tersebut.



Mari beramal.

## Tatacara Menunaikan Solat Jamak Takdim

Menghimpunkan dua solat fardu dalam waktu pertama. Contohnya:

- ◆ Solat Zuhur dan solat Asar ditunaikan dalam waktu Zuhur.
- ◆ Sunat dilakukan solat waktu pertama dahulu, kemudian diikuti dengan solat waktu kedua.

### Zuhur



1 Berdiri tegak



2 Niat



3 Membaca al-Fatihah dan surah



4 Rukuk



5 Iktidal




6 Sujud



7 Duduk antara dua sujud



8 Sujud



➤ Selepas salam solat waktu pertama, sunat iqamat, kemudian dirikan solat waktu yang kedua, iaitu solat Asar dua rakaat seperti solat Zuhur.

**INFO**

Kedua-dua solat perlu dilakukan secara berturut-turut tanpa pemisah seperti pitam, terlupa, berzikir dan sebagainya kecuali azan, iqamat atau berwuduk dibolehkan.

**NOTA GURU**

Bimbing murid melakukan simulasi solat di atas.



Mari beramal.


## Tatacara Menunaikan Solat Jamak Takhir

Menghimpunkan dua solat fardu dalam waktu kedua. Contohnya:

- Solat Maghrib dan solat Isyak dalam waktu Isyak.
- Sunat dilakukan solat waktu kedua dahulu, kemudian diikuti dengan solat waktu pertama.
- Selepas salam solat waktu kedua, iaitu solat Isyak dua rakaat, sunat iqamat, kemudian dirikan solat waktu yang pertama, iaitu solat Maghrib tiga rakaat.

### Maghrib

IBADAH





11 Iktidal



12 Sujud



13 Duduk antara dua sujud



14 Sujud



15 Membaca tahiyat awal



16 Membaca al-Fatihah



17 Rukuk



18 Iktidal



19 Sujud

IBADAH



20 Duduk antara dua sujud



21 Sujud



22 Membaca tahiyat akhir



23 Memberikan salam



### INFO

Sebelum mendirikan solat jamak takhir, seseorang itu hendaklah telah berniat untuk mengerjakan solat fardu Zuhur/Maghrib dalam waktu Asar/ Isyak. Niat tersebut hendaklah dilakukan semasa berada dalam waktu solat yang pertama.

### NOTA GURU



Bimbing murid melakukan simulasi solat di atas.



**Baca dan hayati.**

## Hikmah Disyariatkan Solat Qasar dan Jamak



1  
Menunjukkan solat ialah ibadah yang sangat penting dan tidak boleh ditinggalkan walau dalam apa-apa juga keadaan.

2  
Mendidik diri menjadi hamba yang sentiasa patuh kepada perintah Allah SWT.

3  
Menandakan kasih sayang Allah SWT kepada umat Islam.

4  
Memberikan kemudahan kepada umat Islam untuk menunaikan solat ketika dalam perjalanan yang jauh.

5  
Menggalakkan umat Islam bermusafir untuk melihat kebesaran ciptaan Allah SWT.





### Jejak Bintang

#### Pelaksanaan

1. Murid diminta untuk mencabut kad soalan di atas meja guru.
2. Murid diberi masa untuk membaca soalan yang terdapat di dalam kad tersebut.
3. Selepas beberapa minit, guru akan memanggil seorang murid yang mendapat undian pertama untuk melakukan aktiviti berdasarkan soalan yang diperoleh.
4. Murid lain akan memberikan penilaian terhadap tugas rakan mereka dengan menunjukkan plakad yang disediakan.
5. Guru mencatat markah berdasarkan kiraan bintang pada plakad yang diperoleh.
6. Proses ini berulang sehingga selesai giliran semua murid di dalam kelas.
7. Pemenang dikira berdasarkan bilangan bintang yang diperoleh.

Tunjukkan simulasi solat qasar waktu Zuhur.

Sebutkan lafaz niat solat qasar waktu Asar.

Sebutkan lafaz niat jamak takdim Maghrib dan Isyak.

Terangkan dua syarat sah solat jamak takhir.

Terangkan dua syarat sah solat jamak takdim.

Berikan contoh solat jamak takdim dan jamak takhir.

Tunjukkan simulasi solat jamak takdim Maghrib dan Isyak.

Sebutkan tiga hikmah diharuskan solat qasar dan jamak.



#### NOTA GURU



- Bimbing murid melakukan aktiviti di atas.
- Ubah suai soalan mengikut kreativiti.
- Aktiviti boleh dijalankan mengikut kesesuaian bilangan murid di dalam kelas.



## Laman Kreatif

### Fikir Pantas

#### Pelaksanaan

1. Murid dibahagikan kepada dua kumpulan.
2. Kumpulan yang mendapat undian pertama akan memulakan aktiviti.
3. Semua ahli kumpulan perlu berbincang tentang soalan yang diberikan dan melantik seorang wakil untuk menulis jawapan yang betul di papan tulis.



#### Penilaian Guru



1. Guru akan menilai jawapan murid dan mencatat masa.
2. Aktiviti akan diteruskan oleh kumpulan kedua.
3. Kumpulan yang berjaya menyiapkan tugas dalam masa yang pantas dikira sebagai pemenang.

**Soalan 1** Erti jamak dari segi istilah.

**Soalan 4** Dua jenis jamak ialah \_\_\_\_\_.

**Soalan 2** Syarat perjalanan musafir mestilah melebihi \_\_\_\_\_.

**Soalan 5** Niat solat qasar waktu Zuhur.

**Soalan 3** Niat solat qasar waktu Isyak.

**Soalan 6** Satu daripada hikmah solat qasar dan jamak.




- Bimbing murid untuk melakukan aktiviti ini.
- Pembahagian kumpulan dilakukan mengikut kesesuaian jumlah murid.





## Uji Minda I

Lengkapkan teka silang kata di bawah.



### Menegak

- Hikmah rukhsah solat juga mendidik umat Islam menjadi hamba yang taat dan \_\_\_ pada perintah Allah SWT.
- Seorang musafir harus melakukan solat qasar dan jamak sekiranya perjalanannya berlandaskan \_\_\_.
- Solat yang terdahulu untuk jamak takdim.
- Musafir yang hendak melakukan jamak \_\_\_ hendaklah masih dalam perjalanan sehingga kedua-dua solat selesai didirikan.
- Maksud jamak dari segi bahasa ialah \_\_\_\_\_ atau kumpul.
- Solat fardu empat rakaat yang dipendekkan kepada dua rakaat disebut \_\_\_\_\_.

### Melintang

- Solat jamak hendaklah dilakukan mengikut \_\_\_ yang betul.
- Rukhsah solat menunjukkan \_\_\_\_\_ sayang Allah SWT kepada umat Islam.
- Harus menunaikan solat qasar dan jamak sekiranya perjalanan itu melebihi dua \_\_\_\_\_.
- Solat yang dilakukan apabila bayang-bayang objek tersebut lebih panjang daripada objek itu sendiri.

### NOTA GURU



- Perbanyak halaman ini sebagai lembaran kerja.
- Bimbing murid untuk melakukan aktiviti ini.



## Uji Minda 2



Jawab semua soalan.

1. Senaraikan tiga solat yang boleh diqasarkan.

- (i) \_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_
- (iii) \_\_\_\_\_

2. Nyatakan syarat sah solat qasar.

- (i) \_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_
- (iii) \_\_\_\_\_
- (iv) \_\_\_\_\_

3. Bezakan dua syarat sah solat jamak takdim dan takhir.

Jamak Takdim	Jamak Takhir
1.	1.
2.	2.

3. Jelaskan tiga hikmah disyariatkan solat qasar dan jamak.

- (i) \_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_
- (iii) \_\_\_\_\_

4. Jawab soalan Quizizz di bawah.



- Perbanyak halaman ini sebagai lembaran kerja.
- Bimbing murid untuk melakukan aktiviti ini.

UNIT

8

# SOLAT JENAZAH

Perhatikan dan fikirkan.

## COVID-19: Waris digalakkan solat jenazah ghaib.

SELANGOR – Seluruh umat Islam di negara ini dan waris pesakit COVID-19 digalakkan menunaikan solat jenazah ghaib bagi pesakit yang meninggal dunia akibat pandemik itu.

(Dipetik dan diubah suai: *Berita Harian*, Rabu, 1 April 2020)

Bagaimanakah tanggungjawab seorang Muslim terhadap mangsa yang terlibat dalam peristiwa seperti ini?

### NOTA GURU

- Lakukan sumbang saran dengan murid tentang peristiwa yang berlaku.
- Minta murid mendengar lagu nasyid *Meniti di Barzakh* dan kaitkannya dengan tajuk pelajaran.

IBADAH





**Baca dan fahami.**

## Konsep Solat Jenazah

Solat yang dilakukan terhadap jenazah dengan cara dan syarat tertentu.

Bertujuan untuk memohon keampunan, keredaaan dan rahmat Allah SWT kepada orang yang telah meninggal dunia.

Penghormatan terakhir seorang Muslim terhadap saudara seagamanya.



## Hukum Solat Jenazah

Hukum menguruskan jenazah ialah fardu kifayah dan wajib kepada orang Islam yang masih hidup untuk menguruskannya.

Sekiranya tidak ada yang mengendalikannya, seluruh masyarakat setempat itu akan berdosa.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : ... لَوْ مِتَّ قَبْلِي فُقِّمْتُ عَلَيْكَ ، فُغَسِّلْتُكَ وَ كَفَّنْتُكَ ، وَصَلَّيْتُ عَلَيْكَ ، وَ دَفَنْتُكَ .

Maksud: Daripada Aisyah r.a. berkata, Nabi SAW bersabda: "... sekiranya kamu mati sebelumku, maka aku akan menguruskanmu, memandikanmu, mengapankanmu, mensolatkanmu dan mengebumkanmu."

(Riwayat Ibnu Majah)





**Baca dan hayati.**

Solat jenazah perlu dilaksanakan mengikut rukun-rukun yang telah ditetapkan.



IBADAH

**NOTA GURU**



Bersol jawab dengan murid tentang perkara yang perlu dilaksanakan untuk menunaikan solat jenazah.

6.3.2



## Baca dan hayati.

Apabila berlaku kematian di sesuatu tempat, maka wajib kepada orang Islam yang masih hidup menguruskan jenazah tersebut dan mendirikan solat terhadapnya mengikut syarat-syarat tertentu.

### Syarat Sah Solat Jenazah



1. Jenazah telah dimandikan.



2. Jenazah telah dikafankan.



3. Jenazah berada di hadapan imam dan makmum.



4. Menghadap arah kiblat.



### INFO

Mazhab Imam al-Syafi'i berpendapat solat jenazah ghaib boleh dilaksanakan bagi jenazah yang meninggal dunia di luar kawasan, berlaku keuzuran dan kemudaratan bagi seseorang untuk menghadiri solat jenazah.





Mari amalkan.

## Cara Menunaikan Solat Jenazah

### I Niat solat



Niat solat jenazah lelaki:

أُصَلِّي عَلَى هَذَا الْمَيِّتِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ كِفَايَةً (إِمَامًا/مَأْمُومًا) لِلَّهِ تَعَالَى

**Maksud:** Sahaja aku solat atas mayat lelaki ini empat takbir fardu kifayah (menjadi imam/mengikut imam) kerana Allah Taala.



Niat solat jenazah wanita:

أُصَلِّي عَلَى هَذِهِ الْمَيِّتَةِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ كِفَايَةً (إِمَامًا/مَأْمُومًا) لِلَّهِ تَعَالَى

**Maksud:** Sahaja aku solat atas mayat perempuan ini empat takbir fardu kifayah (menjadi imam/mengikut imam) kerana Allah Taala.

### NOTA GURU



- Lakukan sumbang saran dengan murid tentang cara menunaikan solat jenazah.
- Bimbing murid melafazkan niat solat jenazah.

6.3.4



2 Bertakbir kali pertama, kemudian baca surah al-Fatihah.



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿٣﴾  
مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ﴿٤﴾ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾  
أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ  
غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٧﴾

3 Bertakbir kali kedua, kemudian baca selawat atas Nabi Muhammad SAW.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ



Umat Islam disunatkan membaca selawat secara lengkap.

4 Bertakbir kali ketiga, kemudian berdoa untuk jenazah.

Untuk jenazah lelaki:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ

Untuk jenazah wanita:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهَا وَارْحَمْهَا وَعَافِهَا وَاعْفُ عَنْهَا





5 Bertakbir kali keempat, sunat membaca doa untuk jenazah dan seluruh umat Islam.



Untuk jenazah lelaki:

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهُ وَاعْفِرْ لَنَا وَلَهُ

Untuk jenazah wanita:

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهَا وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهَا وَاعْفِرْ لَنَا وَلَهَا

6 Memberikan salam ke kanan dan ke kiri.



IBADAH



### INFO

#### Kedudukan imam ketika solat jenazah

Jenazah lelaki	Imam berdiri bersejajaran dengan kepala jenazah. Kepalanya di sebelah kiri imam.
Jenazah perempuan	Imam berdiri bersejajaran dengan pinggul jenazah. Kepalanya di sebelah kanan imam.
Jenazah lelaki dan perempuan	Kepala jenazah lelaki di sebelah kiri imam dan kepala jenazah perempuan di sebelah kanan imam. Imam berdiri setentang dengan pinggul jenazah.

#### NOTA GURU



Bimbing murid melakukan amali solat jenazah dan berikan penerangan secara terperinci.

6.3.4



**Baca dan hayati.**

## Hikmah Solat Jenazah

**1**  
Memohon keampunan Allah SWT dan rahmat-Nya untuk si mati.



**2**  
Menimbulkan keinsafan bahawa setiap manusia pasti akan mati.



**3**  
Mengeratkan hubungan persaudaraan dengan keluarga si mati.



**4**  
Mendapat ganjaran pahala yang sangat besar.



**5**  
Memberikan penghormatan dan kasih sayang kepada si mati.



IBADAH





## Minda Aktif

### Rakan Bertanya Pakar Menjawab

#### Pelaksanaan

1. Minta semua murid duduk di dalam bulatan.
2. Setiap murid bersedia dengan soalan yang telah ditentukan.
3. Lantik seorang murid untuk berada di tengah-tengah bulatan sebagai pakar.
4. Arahkan seorang murid lain untuk mengemukakan soalan kepada pakar.
5. Permainan ini diteruskan dengan menukar pakar secara bergilir-gilir.
6. Guru membimbing pakar untuk menjawab soalan dengan tepatnya.
7. Guru membuat rumusan tentang aktiviti tersebut.



IBADAH

#### NOTA GURU



- Bantu murid menjalankan aktiviti di atas dengan penuh disiplin.
- Sentiasa mengingatkan murid untuk menunaikan kewajipan terhadap jenazah.



## Laman Kreatif

### Belon Bertuah



#### Permulaan permainan

1. Murid dibahagikan kepada dua kumpulan.
2. Setiap kumpulan akan diberikan beberapa biji belon yang mengandungi soalan.



#### Menjawab soalan

1. Murid yang berada di hadapan akan menghulurkan belon ke belakang dan disambut secara bergilir-gilir sehingga sampai kepada rakan yang terakhir.
2. Murid terakhir yang menerima belon perlu memecahkan belon tersebut untuk mendapatkan kad soalan.



### Penilaian guru

1. Setiap kumpulan akan berbincang tentang soalan-soalan yang diterima.
2. Kedua-dua kumpulan tersebut dikehendaki membentangkan hasil perbincangan.
3. Guru membuat penilaian dan rumusan daripada aktiviti tersebut.

### KAD TUGASAN

1. Terangkan tiga hikmah umat Islam menunaikan solat jenazah.
2. Jelaskan cara-cara menunaikan solat jenazah.
3. Lakonkan simulasi solat jenazah untuk lelaki.

# A

### KAD TUGASAN

1. Huraikan kewajipan umat Islam terhadap orang yang telah meninggal dunia.
2. Tulis lafaz yang dibaca dalam setiap takbir ketika solat jenazah.
3. Lakonkan simulasi solat jenazah untuk perempuan.

# B

### NOTA GURU



- Galakkan murid untuk melakukan aktiviti di atas.
- Pelbagaikan situasi lain bagi menimbulkan keseronokan belajar.



UNIT

9

# BILAL BIN RABAH R.A.



Perhatikan dengan telitinya.



ALLAHUAKBAR...  
ALLAHUAKBAR...



SIRAH



Mengapakah peranan seorang muazin penting dalam kehidupan masyarakat Islam?



NOTA GURU



Bersol jawab dengan murid tentang gambar di atas dan kaitkannya dengan tajuk pelajaran.



**Teliti dan fahami.**

## Latar Belakang Bilal bin Rabah r.a.



### Kelahiran


- Kota Mekah.
- Dilahirkan sekitar tahun 43 sebelum Hijrah.

### Kehidupan

- Bapanya bernama Rabah dan ibunya bernama Hamamah, seorang wanita berkulit hitam yang tinggal di Mekah.
- Dikenali sebagai Ibnu Sauda' (putera wanita hitam) dan digelar sebagai Bilal Habasyi kerana berketurunan kulit hitam.
- Dibesarkan di Kota Mekah sebagai seorang hamba milik keluarga Bani Abdul al-Dar.
- Diserahkan kepada Umaiyyah bin Khalaf, seorang pembesar Quraisy setelah kematian bapanya.
- Tidak mempunyai keluarga dan harta, menjadi hamba yang taat kepada perintah tuannya, Umaiyyah.
- Bekerja sebagai penggembala haiwan seperti kambing dan unta milik tuannya, Umaiyyah.



## Keislaman



- Hamba yang paling awal memeluk agama Islam secara rahsia.
- Kisah keislaman beliau tersebar luas dalam kalangan kafir Quraisy.
- Kafir Quraisy berusaha untuk menyiksa dan menghina Bilal bin Rabah r.a. supaya beliau kembali kepada agama asal mereka.
- Statusnya sebagai hamba tidak menghalangnya untuk mempertahankan Islam.

## Kewafatan

- Menghembuskan nafasnya yang terakhir di Syam ketika berusia 63 tahun pada tahun 20 Hijrah.



### INFO

Bilal bin Rabah r.a. ialah tokoh sahabat yang mendapat jaminan syurga kerana beliau sentiasa menyucikan dirinya dengan wuduk lalu menunaikan solat sunat secara istiqamah. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Wahai Bilal, aku mendengar gemeresik langkahmu di hadapanku di dalam syurga, setiap malam aku mendengar gemeresikmu."

(Riwayat Muslim)

### NOTA GURU



- Lakukan sumbang saran dengan murid tentang tokoh yang dipelajari.
- Berikan maklumat tambahan tentang Bilal bin Rabah r.a.

7.1.1



**Baca dan fikirkan.**

## Kesabaran dan Ketabahan Bilal bin Rabah r.a.

Kisah perjuangan Bilal bin Rabah r.a. mempertahankan akidahnya dapat digambarkan seperti:

- Beliau merupakan seorang Muslim yang banyak menerima seksaan dan kekejaman daripada golongan kafir Quraisy terutama tuannya, Umaiyyah bin Khalaf.
- Beliau diancam dengan pelbagai kekerasan, seksaan dan kekejaman yang mendera tubuhnya.
- Bilal bin Rabah r.a. tetap sabar menghadapi ujian itu dan tidak sedikit pun goyah keimanannya.
- Umaiyyah bin Khalaf terlalu marah dengan sikap Bilal bin Rabah r.a. sebagai hambanya yang tidak akur menyembah berhala, lalu menjalankan beberapa langkah penyiksaan terhadapnya.

Aku ikat kaki dan tangan kamu kerana tidak akur kepada arahan aku.

Lemparkan batu ke arahnya!



Cepat, letakkan batu di atas dadanya!



Ahad... Ahad...

Keteguhan hati dan keimanan Bilal bin Rabah r.a. tetap sama walaupun telah disiksa dengan kejam sehingga seluruh tubuhnya bengkak dan luka-luka. Beliau dibaringkan tanpa pakaian, dipakaikan baju besi dan dijemur di tengah-tengah panas terik matahari.




Bilal bin Rabah r.a. disiksa dengan hebat sekali dari hari ke hari tetapi imannya semakin menebal. Umaiyyah mengikat leher beliau dengan tali yang kasar dan membiarkan anak-anak kafir Quraisy mengheretnya di jalanan.



Kafir Quraisy memaksanya menyebut Tuhan mereka dan mencaci Rasulullah SAW, namun Bilal bin Rabah r.a. masih dengan pendiriannya tetap menyebut "Ahad... Ahad..."



Pada suatu hari, Sayidina Abu Bakar al-Siddiq r.a. yang tidak sanggup melihat Bilal bin Rabah r.a. disiksa dengan kejam telah membebaskannya dengan harga yang berlipat kali ganda.



- Sayidina Abu Bakar al-Siddiq r.a. memerdekakannya dan beliau bebas daripada menjadi hamba.
- Bilal bin Rabah r.a. mengikut Sayidina Abu Bakar al-Siddiq r.a. dan Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah.
- Beliau dilantik sebagai muazin pertama dalam sejarah Islam di Madinah.





## Baca dan hayati.

### Peranan Bilal bin Rabah r.a. dalam Perkembangan Islam



- Bilal bin Rabah r.a. memulakan kehidupan baharu dalam naungan Islam bersama-sama Nabi Muhammad SAW dan sahabat-sahabat yang lain untuk mengembangkan dakwah Islam.

#### Mempertahankan akidah Islam.

- Membuktikan kecintaannya terhadap agama Islam dengan bersabar menerima seksaan dan penghinaan daripada kafir Quraisy.
- Membantu Rasulullah SAW mengembangkan dakwah Islam dalam kalangan hamba.

#### Sebelum Kewafatan Nabi Muhammad SAW

#### Menjadi pendamping setia Rasulullah SAW.

- Sentiasa menemani Rasulullah SAW dalam apa-apa juga keadaan seperti solat fardu, solat sunat hari raya dan solat istisqa' (minta hujan) selama hampir 23 tahun.



### INFO

Bilal bin Rabah r.a. terlalu sedih akan kewafatan Rasulullah SAW sehingga tidak mampu untuk melaungkan azan kerana terlalu rindu akan Rasulullah SAW dan kenangan bersama-sama baginda di Madinah.

### Muazin pertama dalam Islam.

- Dilantik oleh Rasulullah SAW sebagai muazin setelah baginda selesai membangunkan Masjid al-Nabawi di Madinah.

### Menyertai peperangan bersama-sama Rasulullah SAW.

- Menyertai Rasulullah SAW dalam semua peperangan seperti perang Badar dan menewaskan kafir Quraisy yang telah menyeksanya dahulu termasuk tuannya, Umaiyyah bin Khalaf.

### Menakluki Kota Mekah bersama-sama Rasulullah SAW.

- Turut serta bersama-sama Rasulullah SAW sewaktu baginda berhasrat untuk menakluki Kota Mekah.
- Melaungkan azan di dalam Kaabah pada waktu Zuhur seperti yang diminta oleh Rasulullah SAW selepas kemenangan umat Islam.

### Selepas Kewafatan Nabi Muhammad SAW

### Berjihad mengamalkan perintah Allah SWT dan Rasulullah SAW.

- Berhijrah ke negeri Syam bersama-sama pasukan Muslim untuk berjihad bagi menjaga perbatasan daripada serangan musuh.
- Menetap di Syam sebagai Muslim yang tekun beribadah dan zuhud terhadap dunia.



#### NOTA GURU



Minta murid menyenaraikan peranan lain Bilal bin Rabah r.a. dalam perkembangan dakwah Islam.



**Ingati dan teladani.**

## **Kelebihan Bilal bin Rabah r.a.**

**Sabar**

Sabar dan cekat menghadapi cabaran serta kekejaman kafir Quraisy terhadapnya.

**Tetap pendirian**

Tidak pernah berputus asa dan sentiasa yakin dengan pertolongan Allah SWT walaupun diseksa dengan dahsyat sekali oleh kafir Quraisy.

**Tahan fizikal**

Fizikalnya yang kuat menjadikan beliau mampu menahan seksaan daripada kafir Quraisy.

**Berani**

Seorang yang berani menyatakan dan memperjuangkan Islam demi cintanya kepada Allah SWT dan Rasul-Nya.

**Istiqamah**

Sentiasa istiqamah dalam menjaga wuduk dan mempertahankan akidah Islam.

**Kuat iman**

Kekuatan iman yang kental menjadikan beliau mampu menahan seksaan kafir Quraisy.





## Minda Aktif I



### Pelaksanaan

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan secara berpasangan.
2. Guru akan menghantar tugas ini melalui aplikasi *Google Classroom* kelas.
3. Setiap pasangan dikehendaki membincangkan jawapan dan mengisi *Google Form* yang telah disediakan.
4. Setiap kumpulan akan membentangkan hasil kerja mereka di hadapan kelas.
5. Guru boleh mengesan kumpulan yang berjaya menjawab soalan yang betul berdasarkan markah yang dipaparkan pada borang tersebut.
6. Kumpulan yang mendapat markah tertinggi akan membantu kumpulan yang lemah.
7. Guru membuat rumusan pada aktiviti tersebut.



BILAL BIN RABAH R.A.



### NOTA GURU



- Bimbing murid melakukan aktiviti di atas.
- Soalan boleh diubah suai mengikut kreativiti.




## Minda Aktif 2

### Pertandingan Menulis Kisah Bilal bin Rabah r.a.

#### Pelaksanaan

1. Murid dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu A, B dan C.
2. Setiap kumpulan akan diberi kad tugas yang berbeza.
3. Setiap kumpulan diberi masa 10 minit untuk berbincang tentang tugas yang diperoleh.
4. Hasil perbincangan dicatat pada lembaran kertas yang disediakan.
5. Selepas masa tamat, setiap kumpulan dikehendaki bergerak kepada kumpulan yang lain untuk menambahkan maklumat baharu ke dalam lembaran kertas mereka.



#### KAD TUGASAN 1

- Bincangkan biodata Bilal bin Rabah r.a. seperti yang berikut:
  - Nama
  - Tempat dan tarikh lahir
  - Keluarga
  - Kehidupan
  - Kewafatan

#### KAD TUGASAN 2

- Bincangkan tentang halangan dan cabaran yang dihadapi oleh Bilal bin Rabah r.a. setelah memeluk Islam.
- Jelaskan cara beliau melepaskan diri daripada seksaan kafir Quraisy.

#### KAD TUGASAN 3

- Jelaskan tiga peranan Bilal bin Rabah r.a. dalam perkembangan Islam.
- Huraikan tiga sikap beliau yang boleh dicontohi oleh umat Islam.



## Pembentangan

1. Setiap kumpulan akan membincangkan idea-idea baharu yang diperolehi daripada maklumat tersebut.
2. Setiap kumpulan dikehendaki menghasilkan sebuah cerita tentang "Kisah Bilal bin Rabah r.a." berpandukan keseluruhan maklumat yang diperolehi.
3. Guru akan membuat penilaian menggunakan borang markah yang disediakan.



### Borang Markah Kisah Bilal bin Rabah r.a.

Nama kumpulan:

Kumpulan	Jumlah Markah
A	
B	
C	

#### NOTA GURU



- Bimbing murid melaksanakan aktiviti di atas.
- Pastikan murid menulis maklumat yang betul tentang tugasan yang perlu dibincangkan.
- Tetapkan markah berdasarkan isi dan cara persembahan kumpulan.



## Laman Kreatif

### Bijaknya Pasanganku

#### Pelaksanaan

1. Murid dibahagikan dalam kumpulan secara berpasangan.
2. Setiap pasangan murid diminta berada pada garisan bulatan dalam dan luar mengikut lakaran yang diberikan.
3. Guru akan memainkan lagu nasyid dan menggerakkan kotak hikmah kepada murid di bulatan luar (A).
4. Setelah muzik diberhentikan, murid (A) yang menerima kotak tersebut hendaklah memilih satu soalan dan diberikan kepada pasangannya, murid (B) yang berada di bulatan dalam.
5. Murid (B) dikehendaki menjawab soalan yang diberikan.
6. Guru akan menilai jawapan itu dan jawapan yang salah akan dibuka kepada pasangan untuk membantunya.
7. Permainan diteruskan sehingga murid terakhir di bulatan luar.
8. Pemenang akan dikira berdasarkan markah yang terkumpul.

SIRAH

#### Soalan 1

Siapakah golongan hamba yang terawal memeluk Islam?

**2 Markah**

#### Soalan 2

Terangkan satu peranan penting Bilal bin Rabah r.a. dalam perkembangan Islam.

**2 Markah**

#### Soalan 3

Sebutkan nama pembesar Quraisy yang menyiksa Bilal bin Rabah r.a.

**2 Markah**



#### Soalan 4

Apakah pekerjaan yang dilakukan oleh Bilal bin Rabah r.a. semasa menjadi hamba Umaiyyah bin Khalaf?

**2 Markah**

#### Soalan 5

Jelaskan dua bentuk penyiksaan yang dihadapi oleh Bilal bin Rabah r.a. daripada kafir Quraisy.

**6 Markah**

#### Soalan 6

Nyatakan dua contoh teladan yang boleh diikuti daripada Bilal bin Rabah r.a.

**4 Markah**

#### Soalan 7

Terangkan satu peranan penting Bilal bin Rabah r.a. dalam perkembangan Islam.

**2 Markah**

#### NOTA GURU



- Bimbing murid melakukan aktiviti di luar kelas.
- Permainan boleh diteruskan oleh murid di bulatan dalam.
- Soalan ditambah mengikut pelaksanaan permainan.
- Soalan boleh diubah suai mengikut kreativiti.



## Uji Minda

Pilih dan tulis pernyataan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.



Saya meneladani sifat terpuji Bilal bin Rabah r.a. dengan mengamalkan perkara berikut:

Saya akan sentiasa kuat menahan nafsu amarah saya.

Saya sentiasa berusaha dengan gigih untuk mencapai matlamat hidup.

Saya sentiasa cekal dan tabah menghadapi ujian dalam kehidupan.

Saya akan sentiasa bersedia untuk berjuang menegakkan Islam.

Saya tidak mudah dipengaruhi oleh rakan untuk melakukan perkara yang melanggar syariat Islam.

Saya sentiasa mengamalkan sunah Rasulullah SAW dalam kehidupan.

Tetap pendirian

Istiqamah

Sabar

Kuat iman

Berani

Tahan fizikal

SIRAH



- Perbanyak halaman ini sebagai lembaran kerja.
- Bincang dengan murid tentang teladan sifat Bilal bin Rabah r.a. dalam kehidupan mereka.

UNIT

10

# HIJRAH MEMBAWA KEJAYAAN



Perhatikan dan fahami.

طَلَعَ الْبَدْرُ عَلَيْنَا مِنْ نَيْتَاتِ الْوَدَاعِ  
وَجَبَ الشُّكْرُ عَلَيْنَا مَا دَعَى لِلَّهِ دَاعِ

SIRAH



## NOTA GURU



Lakukan sumbang saran dengan murid tentang gambar di atas dan kaitkannya dengan tajuk pelajaran.



**Baca dengan telitinya.**

**Bahasa**

Berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain.

**Maksud Hijrah**

**Istilah**

Perpindahan Rasulullah SAW dan umat Islam dari Mekah ke Madinah.

**Konsep Hijrah**

Hijrah bukan sahaja merujuk perpindahan tempat tetapi perpindahan keperibadian daripada sifat yang buruk kepada sifat yang lebih baik dalam aspek akidah, ibadah, akhlak, pemikiran, pergaulan dan cara hidup.



SIRAH



**INFO**

Maksud hadis: "Barang siapa yang berhijrah kerana Allah SWT dan Rasul-Nya, maka hijrah itu akan diterima oleh Allah SWT dan Rasul-Nya. Barang siapa hijrahnya kerana mencari dunia atau wanita yang akan dinikahinya, maka hijrahnya itu hanya memperoleh apa yang diniatkannya."

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)





**Baca dan bincangkan.**

## Faktor Berlakunya Hijrah

### 1 Perintah Allah SWT

Allah SWT memerintahkan Rasulullah SAW berdasarkan ayat di bawah:

وَإِذْ يَمْكُرُ بِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِيُثْبِتُوكَ أَوْ يَقْتُلُوكَ أَوْ يُخْرِجُوكَ  
وَيَمْكُرُونَ وَيَمْكُرُ اللَّهُ وَاللَّهُ خَيْرُ الْمَكْرِينَ ﴿٣٠﴾

Maksud: "Dan, ingatlah (wahai Muhammad), ketika orang-orang kafir Musyrik (Mekah) menjalankan perancangan jahat terhadapmu untuk memenjarakanmu, membunuhmu atau mengusirmu. Mereka menjalankan perancangan jahat dan Allah menggagalkan perancangan jahat (mereka) kerana Allah sebaik-baik yang menggagalkan perancangan jahat."

(Surah al-Anfal 8:30)



### 2 Mengembangkan Dakwah Rasulullah SAW

Hijrah Rasulullah SAW ke Madinah merupakan kesinambungan usaha dakwah baginda Rasulullah SAW di Mekah, iaitu mengeluarkan masyarakat daripada kesesatan akidah kepada mentauhidkan Allah SWT.

### 3 Penentangan Musyrikin Quraisy Semakin Kuat

Pelbagai penentangan termasuk penyiksaan telah dilakukan terhadap Rasulullah SAW dan umat Islam terutama selepas kematian bapa saudaranya, Abu Talib dan isterinya, Sayidatina Khadijah r.a.



### 4 Memelihara Akidah

Umat Islam mengorbankan keluarga, harta dan tanah air demi menyelamatkan akidah.

### 5 Pelawaan Penduduk Madinah

Penduduk Madinah telah mempelawa Rasulullah SAW ke Madinah semasa Perjanjian Aqabah pertama dan kedua.



#### NOTA GURU




Bincang dengan murid tentang faktor berlakunya hijrah.

7.2.2



**Baca dan fahami.**

## Kronologi Peristiwa Hijrah



Pada malam 27 Safar tahun 622 Masihi (tahun ke-14 kenabian), Rasulullah SAW meminta Sayidina Ali r.a. tidur di tempat pembaringannya, lalu baginda Rasulullah SAW ke rumah Sayidina Abu Bakar al-Siddiq r.a.



Baginda Rasulullah SAW dan Sayidina Abu Bakar al-Siddiq r.a. tidak terus menuju ke Madinah, sebaliknya mereka bersembunyi di Gua Thur selama tiga malam.

Sebelum bertolak ke Gua Thur, Rasulullah SAW telah memerintahkan Abdullah bin Abu Bakar meninjau dan melaporkan perancangan pembesar Quraisy manakala Asma binti Abu Bakar menyediakan bekalan makanan. Amir bin Fuhairah pula menyediakan bekalan susu dan menghilangkan kesan jejak kaki Rasulullah SAW dan Sayidina Abu Bakar al-Siddiq r.a.



Rasulullah SAW dan Sayidina Abu Bakar al-Siddiq r.a. menuju ke Madinah melalui jalan yang jarang-jarang dilalui orang ramai dengan panduan Abdullah bin Uraiqit al-Laithi.







Apabila Rasulullah SAW tidak dapat dijejaki, pihak Quraisy menawarkan 100 ekor unta kepada sesiapa yang berjaya menangkap Rasulullah SAW dan Sayidina Abu Bakar al-Siddiq r.a. sama ada hidup atau telah mati.

Perjalanan Rasulullah SAW telah berjaya dijejaki oleh Suraqah bin Malik tetapi dia tidak berjaya menangkap baginda kerana menghadapi beberapa kali musibah dalam usahanya itu.



Rasulullah SAW tiba di Quba' pada hari Isnin, 8 Rabiulawal 622 Masihi dan tinggal di sana selama empat hari.



Rasulullah SAW tiba di Madinah pada hari Jumaat, 12 Rabiulawal tahun pertama hijrah dan disambut gembira oleh penduduk Madinah dengan suara-suara takbir dan tahmid.



SIRAH

**INFO**

- Amir bin Fuhairah – hamba kepada Sayidina Abu Bakar al-Siddiq r.a.
- Abdullah bin Abu Bakar – putera kepada Sayidina Abu Bakar al-Siddiq r.a.
- Asma binti Abu Bakar – puteri kepada Sayidina Abu Bakar al-Siddiq r.a.
- Abdullah bin Uraiqit al-Laithi – penunjuk jalan yang mahir tetapi masih menganut agama orang kafir Quraisy.
- Suraqah bin Malik – lelaki daripada Bani Mudlaj.

**NOTA GURU**

- Bincang dengan murid tentang peristiwa hijrah ke Madinah.
- Minta murid mengenal pasti nilai-nilai murni yang terdapat dalam peristiwa hijrah.

7.2.3





**Baca dan hayati.**

## Kesan Hijrah pada Perkembangan Islam

### Agama

- Dakwah Islamiah dapat dilakukan dengan aman tanpa berselindung.
- Pembinaan Masjid al-Nabawi sebagai tempat ibadah, belajar dan perbincangan.
- Permulaan takwim hijrah dalam kalendar Islam.



### Sosial

- Penyatuan golongan Aus dan Khazraj di Madinah.
- Mempersaudarakan golongan Muhajirin dan Ansar.
- Membentuk ummah yang kuat melalui amalan hidup bermasyarakat yang adil tanpa penindasan.



### Politik

- Pertukaran nama Yathrib kepada Madinah al-Munawwarah.
- Madinah menjadi negara Islam yang pertama dalam sejarah.
- Piagam Madinah berjaya dibentuk.



### Ekonomi

- Sistem ekonomi Islam berjaya diperkenalkan dan riba diharamkan.
- Kedudukan ekonomi orang Islam semakin kukuh melalui hasil pertanian dan perdagangan.
- Peniaga kecil tidak lagi ditindas oleh golongan saudagar.





**Mari amalkan.**



**NOTA GURU**



Bersoal jawab dengan murid tentang implikasi kepada agama dan umat Islam sekiranya peristiwa hijrah tidak berlaku.

7.2.5



## Minda Aktif I

### Kuiz Hijrah

#### Pelaksanaan

1. Murid dibahagikan kepada dua kumpulan.
2. Guru membantu setiap kumpulan membina tiga set soalan yang berbeza berdasarkan tajuk berikut:
  - (a) Kumpulan pertama  
Kesan hijrah - pusingan pertama  
Faktor hijrah - pusingan kedua
  - (b) Kumpulan kedua  
Hikmah hijrah - pusingan pertama  
Peristiwa hijrah - pusingan kedua
3. Aktiviti dijalankan sebanyak dua pusingan.
4. Setiap kumpulan dikehendaki mengajukan soalan kepada pihak lawan.
5. Setiap soalan yang dijawab dengan betul akan diberi dua markah dan jika dibantu oleh ahli kumpulan, satu markah akan diberikan. Bagi jawapan yang salah markah tidak akan diberikan.
6. Guru akan menilai jawapan yang diberikan oleh murid.

SOALAN	KUMPULAN	
	A	B
1		
2		
3		
4		
5		
6		
JUMLAH MARKAH		



#### NOTA GURU

Bimbing murid membina soalan.




## Minda Aktif 2

Bincangkan kronologi peristiwa hijrah berdasarkan syair di bawah.

Peristiwa hijrah bermula sejarah,  
Sayidina Ali berganti rumah,  
Tidur di katil tempat Rasulullah,  
Bukti cinta kekasih Allah.

Sebelum hijrah Rasulullah berpesan,  
Sediakan payung sebelum hujan,  
Setiap perkara perlukan perancangan,  
Abdullah bin Abu Bakar lancarkan pelan.

Sayidina Abu Bakar sahabat terpuji,  
Sanggup menghadap maki dan caci,  
Bersama Rasulullah berjalan kaki,  
Arah ke Yaman mereka harungi.



Di Gua Thur mereka bermalam,  
Debar di dada semakin mencengkam,  
Kaum Quraisy sangatlah geram,  
Ke puncak Nur cuba menerkam.

Asma memasak makanan bekal,  
Sediakan susu Amir tidak gagal,  
Hilangkan jejak jangan ditinggal,  
Elak Quraisy mendapat pangkal.

Abdullah bin Uraiqit diupah Rasulullah,  
Tunjukkan arah jalan ke Madinah,  
Tetapi berjaya dijejaki Suraqah,  
Gagal ditangkap kerana musibah.

8 Rabiulawal sampai di Quba',  
Madinah melambai hati melonjak,  
12 Rabiulawal tiba di puncak,  
Disambut meriah jiwa pun sebak.

### NOTA GURU



Bimbing murid membaca syair dengan betulnya.



## Laman Kreatif

### Dam Hijrah

#### Pelaksanaan

1. Giliran permainan ditentukan melalui undian.
2. Pemain perlu membuat pusingan roda untuk menentukan jumlah bilangan gerakan petak.
3. Pemain yang berjaya menjawab soalan dengan betulnya akan mendapat langkauan petak. Pemain yang gagal akan membuat pergerakan biasa.
4. Pemain yang berjaya sampai dahulu ke petak penamat dikira sebagai pemenang.
5. Guru membuat penilaian berdasarkan jawapan yang diberikan oleh murid.

#### SOALAN

Petak  
**2**

Pengertian hijrah dari sudut istilah ialah perpindahan Rasulullah SAW dan umat Islam dari \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_.

Petak  
**4**

Keinginan untuk memelihara \_\_\_\_\_ menyebabkan Rasulullah SAW melakukan penghijrahan ke Madinah.

Petak  
**7**

Penentangan dan penyeksaan oleh \_\_\_\_\_ menyebabkan Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah.

Petak  
**10**

Rasulullah SAW berhijrah untuk mengembangkan agama \_\_\_\_\_.

Petak  
**11**

Rasulullah SAW dan Sayidina Abu Bakar al-Siddiq r.a. bersembunyi di Gua \_\_\_\_\_ sebelum meneruskan perjalanan ke Madinah.

Petak  
**13**

Orang Quraisy telah menawarkan hadiah sebanyak \_\_\_\_\_ ekor unta jika berjaya menangkap Rasulullah SAW dan Sayidina Abu Bakar al-Siddiq r.a.

Petak  
**14**

Abdullah bin \_\_\_\_\_ ialah individu yang menjadi penunjuk jalan kepada Rasulullah SAW dan Sayidina Abu Bakar al-Siddiq r.a. semasa berhijrah ke Madinah.

Petak  
**19**

Rasulullah SAW telah sampai ke kota Madinah pada hari Jumaat \_\_\_\_\_ Rabiulawal 622 Masihi dalam peristiwa hijrah.

Petak  
**20**

Permulaan takwim \_\_\_\_\_ dalam kalendar Islam ialah kesan daripada peristiwa hijrah.

Petak  
**24**

Pertukaran nama Yathrib kepada \_\_\_\_\_ ialah kesan politik peristiwa hijrah.

<b>21</b>  	<b>22</b> 	<b>23</b> Undur dua petak 	<b>24</b> $+1$   Soalan	<b>25</b>  <b>TAMAT</b>
<b>20</b>   Soalan	<b>19</b>  $+3$  Soalan	<b>18</b> Undur dua petak 	<b>17</b> 	<b>16</b> 
<b>11</b> $+1$   Soalan	<b>12</b> 	<b>13</b>   Soalan	<b>14</b> $+3$   Soalan	<b>15</b> 
<b>10</b>   Soalan	<b>9</b> Undur satu petak 	<b>8</b>  	<b>7</b>   Soalan	<b>6</b> 
<b>1</b> 	<b>2</b>   Soalan	<b>3</b> 	<b>4</b>   Soalan	<b>5</b> Undur dua petak 



#### NOTA GURU



Bimbing murid untuk melakukan aktiviti ini.



## Uji Minda I



Baca dan bulatkan jawapan yang betul.

1. Sayidina ..... menggantikan tempat tidur Rasulullah SAW semasa rumah baginda dikepung oleh orang Quraisy.  
(a) Abu Bakar  
(b) Umar  
(c) Ali
2. Rasulullah SAW keluar dari rumah baginda menuju ke Madinah dalam peristiwa hijrah pada 27 .....  
(a) Safar  
(b) Rabiulawal  
(c) Rabiulakhir
3. Rasulullah SAW dan Sayidina Abu Bakar al-Siddiq r.a. bersembunyi di Gua ..... dalam peristiwa hijrah.  
(a) Hira'  
(b) Thur  
(c) Uhud
4. Siapakah yang menyediakan bekalan makanan kepada Rasulullah SAW dan Sayidina Abu Bakar al-Siddiq r.a. sebelum mereka bertolak ke Gua Thur?  
(a) Asma  
(b) Aisyah  
(c) Khadijah
5. Apakah haiwan tawaran kafir Quraisy sebagai hadiah menangkap Rasulullah SAW dan Sayidina Abu Bakar al-Siddiq r.a.?  
(a) unta  
(b) lembu  
(c) kambing
6. Abdullah bin Uraiqit al-Laithi membantu Rasulullah SAW menunjukkan arah jalan ke ..... dalam peristiwa hijrah.  
(a) Yaman  
(b) Madinah  
(c) Habsyah
7. Orang yang berjaya mengejar Rasulullah SAW semasa baginda menuju ke Madinah ialah ..... bin Malik.  
(a) Amir  
(b) Abdullah  
(c) Suraqah



8. Rasulullah SAW tinggal di Quba' selama ..... hari.  
 (a) tiga  
 (b) lima  
 (c) empat
9. Rasulullah SAW sampai di Quba' pada 8 ....., tahun pertama hijrah.  
 (a) Jamadilawal  
 (b) Rabiulawal  
 (c) Rabiulakhir
10. Rasulullah SAW memasuki kota Madinah dalam peristiwa hijrah pada hari .....  
 (a) Khamis  
 (b) Jumaat  
 (c) Sabtu

Lorekkan jawapan yang betul bagi soalan 1 hingga 10



a	l	i	q	w	s	u	r	a	q	a	h
e	m	p	a	t	t	s	e	r	u	t	t
t	y	u	i	a	i	a	p	l	n	k	i
h	d	f	a	m	m	h	g	r	t	e	g
u	s	m	a	s	a	n	a	j	a	m	a
r	u	h	a	n	i	f	m	r	s	p	c
j	k	z	i	b	a	a	j	o	a	a	v
w	a	d	m	s	n	g	h	t	b	t	b
r	a	b	i	u	l	a	w	a	l	m	n
m	k	r	y	l	a	p	a	n	u	k	a
j	g	u	m	a	r	k	h	i	r	a	i
s	u	s	u	l	y	a	m	a	n	b	r

NOTA GURU



Perbanyak halaman ini sebagai lembaran kerja.



## Uji Minda 2

Jelaskan kesan peristiwa hijrah dari aspek agama, sosial, politik dan ekonomi.

### Agama

(i) Permulaan takwim hijrah dalam kalendar Islam.

(ii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(iii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

### Sosial

(i) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(iii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

## Kesan Peristiwa Hijrah

### Politik

(i) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(iii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

### Ekonomi

(i) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(iii) \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_



UNIT

00

# JIRAN DISANTUNI HIDUP HARMONI

Perhatikan dan fikirkan.



Mengapakah kita perlu hidup bermasyarakat?

NOTA GURU



Lakukan sumbang saran dengan murid tentang gambar di atas.

AKHLAK



## Baca dan fahami.

Secara fitrah, manusia hidup bermasyarakat dan berkelompok kerana setiap orang saling memerlukan antara satu sama lain.

### Maksud Jiran

**Bahasa:** Orang yang tinggal berhampiran dengan rumah seseorang.

**Istilah:** Orang yang tinggal berdekatan sehingga 40 buah rumah dari setiap penjuru.

### Maksud Adab Berjiran

Adab berjiran bermaksud berakhlak dan bertoleransi antara satu sama lain dengan mewujudkan suasana yang harmoni dan mesra serta menjaga hak dalam masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa.



## Konsep Berjiran

Jiran mencakupi pelbagai agama dan bangsa. Walaupun dengan kepelbagaian tersebut, perlu wujud suasana atau hubungan yang positif dalam sesebuah kawasan tersebut seperti saling melindungi, bantu-membantu, hormat-menghormati, bertoleransi dan menjaga hak antara satu sama lain.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Sesiapa yang beriman kepada Allah SWT dan hari kemudian, hendaklah dia memuliakan jiran tetangganya.”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)



- Minta murid menjelaskan maksud jiran yang difahami oleh mereka.
- Berikan penerangan lanjut kepada murid tentang konsep berjiran.



**Baca dan hayati.**

- Hak sebagai seorang Muslim.
- Hak sebagai seorang kerabat.
- Hak sebagai seorang jiran.

Jiran daripada golongan ini mempunyai tingkatan hak yang paling tinggi berbanding dengan jiran Muslim dan jiran bukan Muslim yang lain.

**Hak Jiran Muslim yang Mempunyai Hubungan Kekeluargaan**

**Hak dan Kewajipan Terhadap Jiran**

**Hak Jiran bukan Muslim**

**Hak Jiran Muslim yang Tidak Mempunyai Hubungan Kekeluargaan**

- Hak sebagai seorang jiran sahaja.

Jiran daripada golongan ini mempunyai tingkatan hak yang paling rendah berbanding dengan jiran Muslim yang mempunyai hubungan kekeluargaan dan jiran Muslim yang tidak mempunyai hubungan kekeluargaan.

- Hak sebagai seorang Muslim.
- Hak sebagai seorang jiran.

Jiran daripada golongan ini mempunyai tingkatan hak yang lebih rendah berbanding dengan hak jiran Muslim yang mempunyai hubungan kekeluargaan dan lebih tinggi daripada jiran yang bukan Muslim.

AKHLAK

**NOTA GURU**



Berikan penerangan tambahan kepada murid tentang hak dan kewajipan terhadap jiran.

8.1.2




## Hayati dan amalkan.

### Cara-cara Beradab dengan Jiran

1

Bagaimanakah cara kita beradab dengan jiran?



2

Kawan-kawan, antara cara beradab dengan jiran ialah:

Kurangkan berbicara perkara yang sia-sia.


Sentiasa berlapang dada dengan kelebihan yang ada pada jiran.

Menjaga maruah diri dan jiran serta mengelakkan perbuatan mengumpat.

Menggembirakan jiran dan mengucapkan tahniah apabila mereka mendapat nikmat.

Menziarahi jiran apabila sakit atau meninggal dunia.

Memastikan jiran hidup selesa dan aman.



### INFO

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Tidak beriman denganku sesiapa yang tidur dalam keadaan kenyang sedangkan dia mengetahui jirannya sedang kelaparan.”

(Riwayat al-Tabrani)



3

Selain beradab dengan jiran yang beragama Islam, adakah kita juga perlu beradab dengan jiran yang bukan Islam?

4

Ya, kita perlu beradab dengan jiran bukan Islam. Contohnya:

Menghormati antara satu sama lain tanpa mengira warna kulit dan pegangan agama.

Sentiasa berbuat baik kepada jiran dan tidak menyakitinya walaupun berbeza agama dan bangsa.

Bertegur sapa antara satu sama lain tanpa mengira agama dan bangsa.

Menjaga harta benda jiran semasa ketiadaan mereka dan meminta izin jika hendak menggunakannya.

Memberikan hadiah jika dijemput ke majlis keraian.

Melahirkan rasa simpati terhadap kesusahan dan ujian yang menimpa jiran.

Semua contoh beradab dengan jiran yang saya sebutkan tadi juga terlaksana kepada jiran yang beragama Islam.





## Fahami dan hayati.

### Hikmah Menjaga Adab dengan Jiran

1



Mewujudkan keharmonian dan keamanan walaupun berbeza agama dan bangsa.

2

Menerima dan memahami budaya ahli masyarakat yang berbeza agama dan bangsa.



3



Menjadikan diri, keluarga dan harta benda terjaga dan selamat.

4

Memudahkan kawalan terhadap kemungkaran dan maksiat yang berlaku dalam komuniti.



5



Melahirkan masyarakat yang maju dan lebih berkualiti.

6

Mewujudkan masyarakat yang bersatu padu walaupun berlainan agama dan bangsa.



7



Mengelakkan prasangka terhadap bangsa lain.

8

Melahirkan masyarakat yang penyayang.




- Bincang dengan murid tentang hikmah beradab dengan jiran.
- Tanamkan dalam diri murid kelebihan beradab dengan jiran.





**Baca dan ambil iktibar.**



## Akibat Tidak Beradab dengan Jiran

1


Terpinggir daripada masyarakat.

2

Kehidupan tidak tenang kerana diselubungi rasa bersalah.

3

Wujud perasaan prejudis dalam kalangan masyarakat berbilang agama dan bangsa.



4

Berlaku perselisihan faham sesama jiran kerana tiada komunikasi yang baik.

5


Merosakkan perpaduan dan membangkitkan permusuhan dalam kalangan masyarakat.

6

Kemungkaran sukar dicegah kerana tidak mendapat kerjasama daripada masyarakat sekeliling.

7

Keselamatan diri, keluarga dan harta terugut kerana tidak dipedulikan jiran tetangga.



8

Sukar mendapat pertolongan ketika dalam kesusahan.

### NOTA GURU



Minta murid mengeluarkan pendapat mereka tentang kesan tidak beradab dengan jiran.

8.1.5



## Minda Aktif

### Kenal Pasti Hikmah Tersembunyi

Bincangkan hikmah beradab dengan jiran yang terdapat dalam pantun di bawah.



**1** Kutip batu beramai-ramai,  
Susun sendiri mari dikira;  
Komuniti bersatu rukun dan damai,  
Maruah diri, keluarga terpelihara.

**2** Tanah berbatu dicungkil-cungkil,  
Tampak bolong corak beralur;  
Hidup bersatu mesra dinukil,  
Sentiasa menolong senyum dihulur.

**3** Penganan dihulur tanda mesra,  
Bertukar juadah sesama jiran;  
Senyum diatur begitulah cara,  
Sikap mahmudah elok disaran.



**4** Berpandukan al-Quran hidup pun berkat,  
Elakkan selalu sikap bermegah;  
Hidup berjiran perlu sepakat,  
Kemungkaran dihidu mudah dicegah.

**5** Jangan alpa di dunia maya,  
Agar mendapat cita-cita yang murni;  
Bertegur sapa amalan mulia,  
Sentiasa muafakat tanda harmoni.




**6** Berkasih sayang batin dan zahir,  
 Jangan dijarak antara keluarga;  
 Masyarakat penyayang wajar dilahir,  
 Elok berakhlak sama dijaga.



**7** Tiada selisih jiwa tenteram,  
 Berjiwa luhur berusaha giat;  
 Kawasan bersih tanaman disiram,  
 Aman makmur impian sejagat.

**8** Mesyuarat bulanan menjadi rutin,  
 Jenayah dielak perlu dijaya;  
 Konsep berjiran mesti prihatin,  
 Remaja berakhlak cerminan budaya.



### Hikmah Beradab dengan Jiran

Pantun 1	
Pantun 2	
Pantun 3	
Pantun 4	
Pantun 5	
Pantun 6	
Pantun 7	
Pantun 8	

#### NOTA GURU



- Minta murid membaca pantun dan memahaminya.
- Minta murid mencari hikmah beradab dengan jiran dan menuliskannya di dalam buku latihan.
- Bincangkan isi kandungan pantun dan minta murid membuat pembedaan.



## Laman Kreatif I

### Fahami Jiran Hidup Harmoni

#### Stesen 1

Apakah maksud jiran dari segi bahasa?

MULA

#### Stesen 2

Nyatakan maksud jiran dari segi istilah.

#### Stesen 3

Sebutkan tiga hak dan kewajipan berjiran.

#### Stesen 4

Terangkan hak jiran bukan Islam berserta contohnya.

#### Stesen 5

Jelaskan hak jiran Muslim yang mempunyai pertalian kekeluargaan berserta contohnya.

## Stesen 8

Huraikan tiga akibat tidak beradab dengan jiran.

TAMAT

## Stesen 7

Jelaskan empat hikmah menjaga adab berjiran.

## Stesen 6

Senaraikan lima cara beradab dengan jiran.

### Pelaksanaan

1. Sediakan dua gulungan kertas yang tertulis "gerak satu stesen" dan "gerak dua stesen".
2. Undian dibuat untuk menentukan siapa yang akan memulakan permainan.
3. Setiap pemain perlu mengambil gulungan kertas untuk menentukan pergerakan.
4. Pemain yang berjaya menjawab dengan betulnya akan mendapat satu markah dan yang gagal tidak akan diberi markah.
5. Markah akan dikira setelah kesemua pemain selesai melintasi semua stesen.
6. Guru akan membuat penilaian dan peneguhan berdasarkan jawapan yang diberikan oleh murid.

### NOTA GURU

- Bimbing murid melaksanakan aktiviti ini.
- Minta murid mencari jawapan bagi soalan yang tidak berjaya dijawab semasa aktiviti dijalankan.







## Laman Kreatif 2

### Cantuman Silaturahim

#### Pelaksanaan

1. Guru menyediakan empat set *puzzle* mengikut jumlah murid.
2. Setiap murid diminta mengambil satu set *puzzle* dan mencantumkannya sehingga lengkap.
3. Murid dikehendaki menyenaraikan adab berjiran dan membentangkannya di hadapan kelas berdasarkan gambaran pada set *puzzle* yang telah dilengkapkan.
4. Guru membuat rumusan hasil daripada pembentangan tersebut.



#### NOTA GURU

- Aktiviti boleh diubah suai dan dipelbagaikan.
- Bantu murid menjalankan aktiviti di atas.
- Imbas Kod QR untuk mendapatkan set *puzzle*.



## Uji Minda I

Tentukan “BETUL” atau “SALAH” bagi pernyataan di bawah.

PERNYATAAN	JAWAPAN
1. Beradab dengan jiran akan menjadikan hidup dalam keadaan aman walaupun berbeza agama dan bangsa.	
2. Bersikap prasangka dan prejudis terhadap jiran adalah baik dalam masyarakat berbilang agama dan bangsa seperti masyarakat Malaysia.	
3. Amalan tolong-menolong sesama jiran ialah amalan terpuji yang membawa kepada keharmonian dalam masyarakat.	
4. Menziarahi kematian jiran yang berlainan agama ialah adab yang terpuji.	
5. Menghadiri jemputan kenduri jiran pada luar waktu jemputan ialah amalan yang digalakkan.	
6. Mengelak diri daripada bergaul dengan jiran tetangga kerana bimbang mengganggu privasi mereka boleh merapatkan hubungan kejiiran.	
7. Memaafkan kesalahan jiran walaupun tidak diminta ialah amalan mulia di sisi Allah SWT.	
8. Mengambil tahu kemungkaran yang dilakukan oleh jiran menyebabkan huru-hara dalam masyarakat.	

### NOTA GURU



- Perbanyak halaman ini sebagai lembaran kerja.
- Bincangkan setiap soalan di atas dengan murid.



## Uji Minda 2

Nyatakan tindakan kamu berdasarkan situasi di bawah.

1. Jiran Ahmad terlantar di hospital kerana kemalangan semasa pulang dari tempat kerja.

---

---

---

2. Ramasami memberitahu Arif bahawa dia sekeluarga akan bercuti di kampung selama seminggu.

---

---

---

3. Selepas solat Zuhur, imam membuat pengumuman bahawa Encik Bakar akan mengadakan gotong-royong sempena kenduri akikah di rumahnya pada hari Sabtu.

---

---

---

4. Amin memberitahu Taufiq bahawa dia mendapat kejayaan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia yang didudukinya pada tahun lepas.

---

---

---





UNIT

12

# KEMARAHAN DIKAWAL KESALAHAN DIMAAFKAN



Perhatikan dan bincangkan.



Maafkan saya kerana menyakitkan hati kamu semalam.

Saya juga sama. Maafkan saya jika pernah melakukan kesalahan terhadap kamu.



Mengapakah kita perlu bermaaf-maafan antara satu sama lain?

NOTA GURU



Bersoal jawab dengan murid tentang situasi di atas.

AKHLAK



## Teliti dan fahami.

**Maaf** ertinya pembebasan daripada sebarang tuntutan kesalahan.

**Pemaaf** ialah orang yang rela memberikan maaf.

خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ  
وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ ﴿١٩٩﴾

Maksud: "Jadilah engkau seorang pemaaf dan suruhlah dengan perkara yang baik serta hindarilah orang yang jahil."

(Surah al-A'raf 7:199)



## Huraian

1. Maaf dan memaafkan ialah sifat terpuji.
2. Sifat pemaaf ialah sifat luhur yang perlu ada dalam diri setiap Muslim.
3. Orang yang pemaaf sentiasa bersifat terbuka dan bersedia memaafkan kesalahan orang lain tanpa rasa marah atau dendam.
4. Allah SWT suka kepada hamba-Nya yang bersifat pemaaf.
5. Allah SWT juga bersifat Maha Pengampun dan memaafkan kesalahan hamba-Nya yang bertaubat.
6. Rasulullah SAW juga sentiasa memaafkan kesalahan orang kafir Quraisy yang sering melakukan kekasaran dan kejahatan terhadap baginda.



- Bimbing murid memahami konsep maaf.
- Bincangkan dalil sifat pemaaf bersama-sama murid.



**Baca dan hayati.**

1

Mengangkat imej umat Islam sebagai lambang keperibadian akhlak mulia.

2

Beroleh kemuliaan daripada Allah SWT.

3

Melahirkan sifat tawaduk.

8

Menghindarkan fitnah-memfitnah yang boleh meruntuhkan sesebuah institusi.

### **Keputusan Sifat Pemaaf**

4

Mengeratkan hubungan silaturahim.

7

Menghilangkan prasangka, sifat sombong dan angkuh.

6

Menyuburkan sifat mesra dan kasih sayang sesama manusia.

5

Menghapuskan perasaan marah dan permusuhan.



Bagaimanakah sifat pemaaf menjadikan hidup kita tenang?

#### **NOTA GURU**



- Bimbing murid memahami kepentingan sifat pemaaf.
- Galakkan murid bersifat pemaaf.

8.2.3



**Hayati dan amalkan.**

## **Cara Memohon Maaf**



### **Bersedia untuk meminta maaf.**

**Caranya:**

- Bersegera memohon maaf.
- Hilangkan rasa ego.
- Amalkan sikap merendah diri.
- Ikhhlaskan hati.

**2**

### **Memohon maaf.**

**Caranya:**

- Bersemuka, menulis surat, menghantar kad, atau menggunakan aplikasi dalam telefon bimbit.
- Menyatakan dengan jelas kesalahan yang telah dilakukan.
- Bertanggungjawab atas kesalahan yang dilakukan.
- Berjanji untuk tidak mengulangi kesalahan.
- Memohon maaf tanpa alasan.



### 3

## Tindak balas.

### Jika positif

- Bersalam-salaman.
- Berusaha memperbaiki diri untuk membuktikan ketulusan hati.
- Menepati janji untuk tidak mengulangi kesalahan.
- Sentiasa muhasabah diri dan mengeratkan kembali hubungan.
- Lupakan apa-apa yang telah berlaku dan jadikananya sebagai pedoman hidup.



### Jika negatif

- Tidak perlu mempertahankan diri.
- Jangan putus asa dan kecewa.
- Berdoa semoga Allah SWT memberikan hidayah kepada orang yang telah kita sakiti.
- Bersangka baik dan tidak berdendam.



#### NOTA GURU



- Lakukan sumbang saran dengan murid tentang cara mereka memohon maaf jika melakukan kesalahan.
- Minta murid memberikan contoh lain cara memohon maaf.

8.2.2



Hayati dan contohi.

## Aplikasi Hikmah Sifat Pemaaf

Soalan 1

Adakah kamu pernah memaafkan kesalahan orang lain?

Saya pernah memaafkan seorang sahabat yang telah mengambil barang saya tanpa meminta izin terlebih dahulu.

Soalan 2

Apakah perasaan kamu apabila dapat berbuat demikian?

Saya berasa tenang dan disayangi rakan. Saya berharap agar mendapat rahmat dan keampunan daripada Allah SWT. Saya ingin menunjukkan akhlak yang baik supaya dapat dicontohi oleh orang lain.

### Soalan 3

Bagaimanakah kehidupan masyarakat di kawasan tempat tinggal kamu? Adakah mereka mengamalkan sifat pemaaf?

Kehidupan kami aman dan harmoni, tiada pergaduhan, sentiasa bertoleransi dan bermaaf-maafan antara satu sama lain.

### Soalan 4

Bagaimanakah pandangan orang bukan Islam terhadap masyarakat di tempat tinggal kamu?

Orang bukan Islam memandang tinggi kepada kami dan sentiasa mencontohi sifat pemaaf ini. Kami sentiasa berusaha mengangkat imej Islam supaya dipandang tinggi.

#### NOTA GURU



- Bimbing murid melakonkan situasi di atas.
- Bincang dengan murid tentang hikmah sifat pemaaf.
- Ingatkan murid supaya sentiasa bersifat pemaaf.

8.2.5



## Fahami dan ingati.

### Akibat Tidak Bersifat Pemaaf

1

Menghancurkan hubungan persaudaraan sesama manusia.



2

Mewujudkan rasa iri hati, sifat pemaah dan dendam.



3

Melahirkan permusuhan, persengketaan dan pergaduhan.



4

Menjadi golongan yang dimurkai Allah SWT dan Rasulullah SAW.



5

Memusnahkan kehidupan yang aman dan sejahtera.

6

Menimbulkan pelbagai masalah sosial dalam masyarakat.



7

Menghilangkan rasa hormat-menghormati dan berkasih sayang antara satu sama lain.

8

Masyarakat bukan Islam akan memandang hina terhadap orang Islam.

#### NOTA GURU



Ingatkan murid supaya tidak mengamalkan sifat tidak mahu memaafkan kesalahan orang lain.





## Minda Aktif

Baca dan hayati kisah ini, kemudian bincangkan jawapan bagi soalan di bawah secara berkumpulan.

### Kisah Adilah

Pada minggu yang lalu, Farhana telah dimarahi oleh seorang sahabatnya, Adilah kerana mengambil pen tanpa meminta kebenaran terlebih dahulu. Farhana telah memohon maaf atas kesalahannya itu, namun Adilah tidak mahu memaafkan Farhana.

Farhana telah berkali-kali cuba untuk memohon maaf tetapi Adilah tetap tidak mahu memaafkannya, malahan Adilah terus memarahi Farhana dan tidak mahu bertegur sapa. Sahabat-sahabat Adilah tidak menyukai sikapnya itu. Mereka mula menjauhkan diri daripada Adilah dan enggan berkawan dengannya.

Adilah kesepian. Dia sedih dan menyesal. Hatinya mula tertanya-tanya, apakah yang patut dilakukannya? Adakah dia perlu memohon maaf kepada Farhana dan sahabat-sahabatnya yang lain? Adakah mereka akan memaafkannya?

- 1 Patutkah Adilah memarahi Farhana? Berikan alasan yang munasabah bagi jawapan kamu.
- 2 Andainya kamu berada di tempat Adilah, apakah yang akan kamu lakukan setelah Farhana meminta maaf? Berikan sebabnya.
- 3 Apakah kesilapan yang telah dilakukan oleh Adilah dan Farhana?
- 4 Jika kamu ialah Adilah, apakah yang akan kamu lakukan kepada Farhana?
- 5 Pada pandangan kamu, apakah yang patut dilakukan oleh Adilah setelah menyedari dirinya bersalah?
- 6 Apakah yang patut dilakukan oleh Farhana setelah permohonan maafnya tidak diterima oleh Adilah?
- 7 Terangkan pengajaran yang boleh kamu ambil daripada kisah ini.



#### NOTA GURU




- Bimbing murid menjalankan aktiviti di atas.
- Minta murid menjawab soalan di atas dalam buku latihan.



## Laman Kreatif I

### Uncang Hikmah



#### Permulaan permainan

1. Murid dibahagikan kepada tiga kumpulan.
2. Setiap pemain dikehendaki membaling pundi kacang pada tapak permainan secara bergilir-gilir mengikut kumpulan.

#### Sesi menjawab soalan

1. Pemain perlu menjawab soalan mengikut nombor yang tertera pada tapak permainan tempat pundi kacang dijatuhkan.
2. Sekiranya pundi kacang berada pada petak **angka kosong** dan petak **hilang giliran**, tiada soalan yang akan diberikan.





### Penilaian guru

1. Guru akan menilai jawapan murid.
2. Kumpulan yang berjaya mengumpulkan markah tertinggi dikira sebagai pemenang.
3. Kumpulan yang kalah perlu dibimbing untuk menjawab soalan dengan betulnya.
4. Permainan boleh diubah suai mengikut situasi dan jumlah murid.

### Soalan

1. Nyatakan maksud pemaaf.

2 markah

2. Bagaimanakah cara kamu memohon maaf apabila melakukan kesalahan?

4 markah

3. Jelaskan tiga kepentingan sifat pemaaf.

6 markah

4. Mengapakah sifat pemaaf sangat penting diamalkan?

4 markah

5. Apakah yang akan berlaku sekiranya masyarakat tidak mengamalkan sifat pemaaf?

4 markah

6. Terangkan akibat tidak mengamalkan sifat pemaaf?

4 markah

7. Jelaskan cara kamu mengamalkan sifat pemaaf dalam kehidupan.

6 markah

8. Sebutkan hikmah menjadi pemaaf.

4 markah

### NOTA GURU



Bimbing murid menjalankan aktiviti di atas.



## Laman Kreatif 2

### Mengejar Bintang Kemaafan

#### Pelaksanaan

1. Permainan dimulakan dengan memilih nombor daripada bekas yang disediakan.
2. Pemain yang mendapat petak **bonus** akan diberi ganjaran.
3. Bintang akan ditolak sekiranya pemain mendapat petak **kelas tahanan**.
4. Pemain yang mendapat petak **sifat positif** akan diberi bintang dan yang mendapat petak **sifat negatif** akan diberi peluang untuk menjawab soalan.
5. Pemain yang berjaya menjawab soalan pada petak **peluang** boleh meneruskan permainan sementara yang gagal akan hilang giliran.
6. Guru akan menilai jawapan murid.
7. Pemenang dikira berdasarkan jumlah bintang yang tertinggi.

#### Soalan

1. Terangkan cara memohon maaf.
2. Jelaskan kepentingan sifat pemaaf.
3. Huraikan akibat tidak bersifat pemaaf.
4. Sebutkan hikmah sifat pemaaf.

#### BONUS 1

Maju ke petak 6.

#### BONUS 2

Bergerak dua pusingan.

#### BONUS 3

Mendapat lima bintang.

#### BONUS 4

Terus maju ke hadapan.

MULA

1

Saya mengakui kesilapan yang telah saya lakukan.



#### PELUANG 1

Jawab soalan 1.

#### PELUANG 2

Jawab soalan 2.

#### PELUANG 3

Jawab soalan 3.

#### PELUANG 4

Jawab soalan 4.



2

Saya akan meminta maaf apabila melakukan kesalahan.



3



BONUS 1

4

Saya tidak suka memaafkan orang lain.

PELUANG 1

5

KELAS TAHANAN 1



17

Saya akan menghulurkan tangan untuk bersalaman ketika meminta maaf.



16



BONUS 3

15

Saya tidak akan menyalahkan orang lain apabila memohon maaf.



14

KELAS TAHAPAN 3



18

Saya akan memaafkan semua orang sebelum tidur.



Borang Bintang Kemaafan

Nama:

Nombor Petak	Jumlah Bintang

13

Saya tidak akan mengulangi lagi kesalahan yang telah saya lakukan.



19



BONUS 4

12

Saya akan memarahi orang yang melakukan kesalahan terhadap saya.

PELUANG 4

20

Saya mengamalkan sifat pemaaf dalam kehidupan.



TAMAT



11



BONUS 2

10

Saya berasa marah apabila orang lain tidak mahu memaafkan saya.

PELUANG 3

6

Saya rasa bersalah jika tidak memaafkan orang lain.



7

Saya rasa TIDAK bersalah jika tidak memaafkan orang lain.

PELUANG 2

8

Saya akan berusaha untuk memohon maaf apabila melakukan kesalahan.



9

KELAS TAHAPAN 2



NOTA GURU



- Sediakan borang berasingan untuk mencatat jumlah bintang yang diperolehi setiap pemain berdasarkan contoh yang diberikan.
- Bimbing murid menjalankan aktiviti di atas.



## Uji Minda

Berdasarkan borang di bawah, catatkan pengalaman kamu mengamalkan sifat pemaaf dengan orang lain.

### Borang Amalan Sifat Pemaaf

Nama: \_\_\_\_\_

Umur: \_\_\_\_\_

Jantina: \_\_\_\_\_

Peristiwa/situasi yang berlaku: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Cara saya bersifat pemaaf semasa berada dalam situasi tersebut.

\_\_\_\_\_

Kebaikan yang diperoleh apabila saya mengamalkan sifat pemaaf dalam situasi di atas:

1. Kebaikan pada saya: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

2. Kebaikan pada orang lain: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

3. Kebaikan pada masyarakat: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Perasaan saya apabila dapat mengamalkan sifat pemaaf.

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_



- Minta murid berbincang dengan rakan tentang pengalaman mereka dan catatkan.
- Perbanyak halaman ini sebagai lembaran kerja.

Dengan ini, **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

**Skim Pinjaman Buku Teks**

**Sekolah** \_\_\_\_\_

Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: \_\_\_\_\_

Tarikh Penerimaan: \_\_\_\_\_

**BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL**

بيكيتك

مارة

امناه

الحامد لله



RM40.00

ISBN 978-983-49-2877-3

04000

9 789834 928773